

Jilid II  
Bil. 3



Hari Rabu  
9hb April, 1980

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 305]

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 353]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- M DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.L, P.I.S. (Dilantik).
- PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- 5, TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

**Yang Berhormat DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.L, P.I.S., J.P. (Dilantik).**

**DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).**

**TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).**

**PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).**

**DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B., S.T.J. Datuk Kaya Pati (Dilantik).**

**TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).**

**TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).**

**TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).**

**,, PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).**

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Rabu, 9hb April, 1980

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANLOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—  
FATWA MUFTI PAHANG

1. **Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sikap Kementeriannya terhadap fatwa Sahibulfadzilah luan Mufti Kerajaan Negeri Pahang yang telah menyatakan Loteri Kebajikan Masyarakat itu HARAM dalam Islam; adakah Kementeriannya akan mengharamkan jualannya dalam Negeri Pahang sahaja.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini sukacita saya menerangkan bahawa Kementerian saya belum lagi menerima kenyataan rasmi daripada Kerajaan Negeri Pahang mengenai pendapat atau yang dikatakan Fatwa Sahibulfadzilah Tuan Mufti Kerajaan Negeri Pahang mengenai Loteri Kebajikan Masyarakat

Kementerian saya akaa mengambil tindakan apabila keputusan mengenai perkara ini disampaikan secara rasmi kepada Kementerian saya.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau sekiranya mufti-mufti di seluruh Malaysia ini berpendapat iaitu Social Welfare Lotteries ini haram di sisi ugama ..... .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak dibenarkan.

**Puan Rahmali binti Othman:** Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar soalan yang dibawa oleh Tuan Haji Mohd. Amin ini adalah untuk kepentingan dia, sendiri ataupun untuk kepentingan parti dia dan oleh kerana itu adakah Menteri itu hendak melayan soalan-soalan seperti itu pada masa akan datang.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa hendak jawab.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Baru sekejap tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan beliau belum lagi menerima keputusan rasmi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan hasil satu perjumpaan yang dibuat di antara Yang Berhormat Menteri dengan Alfadzil Tuan Mufti yang tersebut itu.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Itu tidak ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua.

PERJANJIAN ASIAN AND PACIFIC  
COUNCIL

2. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan rundingan yang telah dan akan dibuat dengan Australia dan New Zealand dalam hubungan perjanjian ASPAC (Asian & Pacific Council) untuk memperkuatkan pertahanan kita dan negara tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mengatakan bahawa Asian and Pacific Council atau ASPAC telah dibubarkan dalam bulan Jun 1973. Oleh itu, saya rasa soalan ini tidak perlu dibangkitkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keselamatan negara kita adalah satu perkara yang paling penting

yang kita mesti mempertahankan dari segenap inci yang boleh dipertahankan, saya hendak bertanya kalaulah ASEAN kokoh dengan lima negara bersatu apakah salahnya kalau negeri-negeri yang lain katakanlah, New Zealand atau Australia ini juga kalau mereka mahu menyokong ASEAN terutamanya menentang bahaya-bahaya komunis yang akan mencetuskan keutuhan negara kita dalam tahun-tahun lapan puluhan pada masa akan datang.

Pertama, pernahkah negara Australia dan New Zealand minta bekerjasama dengan ASEAN.

Kedua, sambungan daripada itu, jikalau mereka sudah membuat permohonan bagi kemantapan ASEAN dan keselamatan rantau Pacific daripada bahaya komunis, adakah permohonan ini ditolak mengikut lojik ASEAN.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Saya suka menyatakan sebagai dasar Kerajaan Malaysia, kita tidak ada perjanjian multilateral yang bersabit dengan kerjasama pertabanan. Tetapi kita ada kerjasama dua hala di antara kita dengan Thailand seperti mana yang terbukti dalam kerjasama sempadan sama juga di antara kita Malaysia dengan Indonesia.

Soalan dia hendak menghancurkan kegiatan-kegiatan anasir-anasir yang lain, itu terpulunglah kepada Kerajaan Australia ataupun New Zealand tetapi bagi kita tidak ada perjanjian sebagaimana yang saya katakan tadi Multilateral Pact.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhonnat Menteri yang berkenaan telah menjawab bahawa perjanjian ini tidak patut dibangkitkan lagi kerana telah dibubarkan. Dengan adanya pergolakan politik di kawasan Tenggara Asia ini termasuk rantau Pacific, tidakkah Kerajaan memikirkan bahawa perjanjian itu patut diperbaharui atau sekiranya ada pihak Kerajaan Amerika hendak membuat satu perjanjian rantau Pacific ini dengan Australia, New Zealand, Jepun dan China, apakah sikap Kementerian yang berkenaan terhadap perjanjian itu.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya kata tadi, saya rasa buat saat ini tidak perlu

mengadakan ataupun membaharui ASPAC. Apa yang penting saya rasa sepertimana yang telahpun sering kita berkata dasar tiap-tiap negara ASEAN perlulah menguat ketahanan negara tiap-tiap negara ASEAN masing-masing iaitu resilience. Jikalau dengan adanya kekuatan resilience ketahanan negara-negara ASEAN sendiri maka ini menguatkan resilience serantau (regional resilience). Saya rasa dengan keadaan itu dasar ini mencukupi untuk mengatasi segala-gala bahaya ataupun anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara kita. Yang penting sekali saya rasa adalah tiap-tiap warganegara di dalam negara Malaysia sendiri mestilah bersatu padu mempertahankan negara mereka. Dengan azam inilah kita dapat mempertahankan negara kita, datang apa sekalipun Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mempertahankan dan mengalahkan anasir-anasir ini.

#### PESAKIT PI HOSPITAL PERMAI, TAMPOI

3. Datuk (Dr) Wee Khoo Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada 600 orang pesakit otak di Hospital Permai, Tampoi, yang telah pulih tetapi masih tinggal di hospital itu oleh kerana mengikut peraturan bekas-bekas pesakit hanya boleh keluar bila dijemput pulang ke tempat masing-masing oleh keluarga atau anak saudara mereka dan jika ya, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk memulangkan dengan segera bekas-bekas pesakit otak ini ke pangkuan masyarakat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada pesakit-pesakit di Hospital Permai, Tampoi, Johor Bahru yang telah pulih tetapi masih tinggal di hospital itu. Bilangan sebenar kes-kes seumpama itu adalah seramai 539 orang di hospital ini, Di sini saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada peruntukan di bawah "Mental Disorder Ordinance 1952" yang memerlukan keluarga atau saudara mara seseorang pesakit menjemput si pesakit yang akan keluar dari Hospital Permai itu pulang ke tempat kediamannya. Bagaimanapun, pada lazimnya hospital itu menentukan terdapat keluarga atau saudara mara yang sedia menerima pesakit-pesakit yang pulih itu supaya mereka dapat balik menumpang hidup bersama keluarga tersebut. Sekiranya saudara mara tidak dapat hadir di Hospital tersebut

pihak hospital itu sedia mengatur pengangkutan untuk menghantar pesakit-pesakit ke negeri asal dari mana mereka telah dirujukkan untuk rawatan itu, iaitu negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Walau bagaimanapun, 539 orang pesakit yang saya sebutkan tadi telah tidak dapat dikeluarkan oleh kerana sebab-sebab berikut:

- (1) saudara mara atau keluarga mereka enggan menerima kembali pesakit-pesakit itu;
- (2) keluarga atau saudara mara yang telah berpindah tanpa meninggalkan atau memberi alamat baru yang telah menyebabkan pihak hospital tersebut tidak dapat menghubungi mereka.

Memandangkan sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, pesakit-pesakit berkenaan terus tinggal di hospital tersebut di atas sebab-sebab perikemanusiaan kerana mereka tidak ada keluarga atau saudara mara hendak menerima mereka atau pekerjaan apabila kembali ke pangkuan masyarakat

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian ini sedang menggiatkan lagi usaha-usaha pemulihan di hospital tersebut dengan tujuan menyesuaikan pesakit-pesakit di hospital itu dengan masyarakat.

Proses pemulihan bagi pesakit-pesakit tersebut harus dijalankan berperingkat-peringkat oleh kerana sungguhpun mereka sudah pulih, namun demikian mereka harus dapat mengubahsuaikan diri mereka dengan disiplin waktu pekerjaan biasa disebabkan mereka telah terlalu lama berada di institusi tersebut. Untuk mencapai tujuan yang disebutkan tadi Kementerian Kesihatan bercadang mengadakan pusat-pusat Rawatan Harian (Day Care Centres) dan "halfway houses" supaya pesakit-pesakit iri dapat menjalankan program pemulihan dan seterusnya kembali ke pangkuan masyarakat,

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Selepas mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kita pun bersimpati atas kesengsaraan yang dihadapi oleh orang yang telah pulih dan keluar daripada rumah sakit otak ini. Yang saya bertanya ialah oleh sebab orang-orang ini masih terlantar dan tanggungjawab Kerajaan serta kawasan ini patut dimasuki orang lain, adakah Kerajaan bercadang suatu ketika

kelak bahawa patut Kementerian ini mengadakan satu pusat bagi kebajikan dengan mengajar mereka dalam perusahaan kraftangan dan lain-lain supaya dengan keadaan ini dapat membantu mereka dan dapat juga menguntungkan negara?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya latihan mengenai kraftangan seumpamanya memang ada dijalankan di hospital-hospital seperti ini di mana kita diletakkan apa yang kita panggil "Occupational Therapist" untuk mengajar pesakit-pesakit yang berkelayakan berbuat demikian, kerana bukan semuanya orang sakit otak itu dapat membuat begitu. Mereka yang kita fikir dapat menjalankan latihan ini memang dijalankan. Bahkan dalam lawatan saya ke Tampoi Hospital saya dapati bahawa banyak barang-barang kraftangan telah dibuat dan dijual untuk pasaran luar negeri dan pendapatan daripada ini ialah digunakan untuk menolong pesakit-pesakit itu sendiri.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak pihak Kementerian Kesihatan menentukan bahawa orang-orang yang telah dikatakan balik ini dipindahkan ke hospital lain atau ke tempat lain daripada Tampoi ini, diasingkan dia. Ini soalan saya yang pertama.

Yang kedua, adakah Menteri ini berfikir kalau cara yang seperti sekarang ini berjalan, saya rasa pada masa 10 tahun yang akan datang Johor itu nanti penuh dengan orang gila sahaja. Ini yang saya takut sebab saya datang dari negeri Johor. Janganlah negeri Johor itu jadi tempat orang gila. Jadi, bahagi-bahagikan kepada negeri yang lain. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut orang gila, perkataan itu tidak sesuaialah. Bukan orang gila tetapi orang sakit otak.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebenarnya kita patut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana Johor merupakan salah satu daripada pusat di mana kita merawat pesakit-pesakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Johor bukanlah merupakan hanya satu negeri di mana kita mengadakan Hospital Sakit Otak ini. Satu yang terbesar ialah di Perak yang pernah dikenali sebagai Hospital Bahagia ataupun yang famousnya Tanjung Rambutan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan langkah-langkah yang kita buat, seperti yang saya sebutkan tadi mengadakan "half way house" dan "day care centre" merupakan langkah-langkah yang kita ambil bagi menyesuaikan pesakit-pesakit ini ke dalam masyarakat yang umum, kerana adalah penting bagi kita menentukan bahawa pesakit sendiri dapat menerima satu keadaan dalam masyarakat yang ada. Begitu juga dari pihak masyarakat biasa supaya mereka dapat iuga menyesuaikan diri dengan bekas pesakit (ex-mental patient) ini, kerana sepertimana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, memang ada stigma terletak kepada pesakit-pesakit otak (ex-mental patient) ini sungguhpun kadangkala mereka itu adalah sepenuhnya normal.

#### SKIM BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH

4. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa skim bantuan modal kepada sekolah-sekolah tidak memuaskan oleh sebab mengikut skim ini hanya sebahagian peruntukan diberi untuk mendirikan/membaiki bangunan-bangunan sekolah dan masyarakat tempatan dikehendaki menambah bakinya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ketidakpuasan terhadap usaha Kementerian Pelajaran untuk menambah dan memperbaiki mutu kemudahan persekolahan tidaklah terhad kepada isekolah-sekolah bantuan modal sahaja malah ia juga timbul kepada sekolah-sekolah kepunyaan Kerajaan. Masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran ialah peruntukan yang terhad manakala keperluan bagi kemudahan-kemudahan sekolah seperti bilik darjah, makmal, khutub-khanah, padang permainan dan sebagainya adalah jauh lebih besar daripada peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pelajaran. Memandangkan hal yang tersebut itu, maka Kementerian saya buat masa ini tidak dapat menimbangkan kenaikan kadar bantuan modal lebih tinggi daripada 50% yang ada sekarang kepada satu kadar yang lebih tinggi.

#### KAD PENGENALAN—KUASA PEGAWAI IMMIGRESEN

5. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pegawai-pegawai Immdgresen mempunyai kuasa untuk menahan kad pengenalan seseorang, jika ya, dalam keadaan bagaimanakah mereka boleh bertindak sedemikian.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Seri Syed Ahmad Shabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pegawai Immigresen yang kanan memang mempunyai kuasa di bawah Seksyen 51 (1) (a) Akta Immigresen 1959/63 untuk menahan apa juga document termasuklah kad pengenalan seseorang itu apabila pegawai tersebut dipercayai bahawa sesuatu kesalahan terhadap Akta itu telahpun berlaku dan kad pengenalan ataupun document tersebut diperlukan sebagai bukti kesalahan tersebut.

Tuan V. V. Aboo: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa satu insiden telah berlaku pada 26hb Januari yang lalu seorang murid sekolah telah pergi ke Singapura, apabila dia balik daripada Singapura pegawai Immigresen telah merampas paspot dan kad pengenalannya. Murid Sekolah tersebut sedang menunggu keputusan peperiksaan MCE. Murid sekolah tersebut bernama Abu Bakar bin Haji Bau. Apabila dia minta balik paspotnya pada 26hb Januari, kata pegawai tersebut, "pergilah balik ke India dan bungkus semua kain baju dan jangan bersekolah di sini". Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dan sekiranya sedar, bolehkah Yaiig Berhormat mengambil tindakan kepada pegawai itu?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Saya telahpun terangkan tadi bahawa kad pengenalan ataupun document ini boleh diambil ataupun ditahan oleh pegawai Immigresen jika sekiranya dipercayai seseorang itu melakukan satu-satu kesalahan di bawah Akta Immigresen, dan penahanan ini adalah dalam satu jangka masa yang diperlukan, setelah selesai diselidiki jika sekiranya tidak ada apa-apa kesalahan yang tertakluk di bawah Akta ini, bolehlah diberi balik kad pengenalan itu. Kalau ada kesalahan maka tindakan-tindakan yang sewajarnya di bawah Undang-undang ini

terpaksalah diambil. Tetapi jika sekiranya Yang Berhormat ada perkara-perkara yang dirasakan tidak puas hati di atas langkah-langkah yang telah diambil oleh pegawai yang tersebut bolehlah membuat pengaduan kepada pejabat Immigresen ataupun kepada Kementerian supaya dapat diselidiki dengan teliti.

### ANASIR KOMUNIS DI DALAM KERAJAAN

6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau mempunyai persiapan bagi menghindar anasir komunis di dalam Kerajaan seperti mana yang berlaku di Afghanistan baru-baru ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soal ini adalah umum sedikit. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa kita memang sedar bahawa niat terakhir komunis itu ialah untuk mempengaruhi ideologi dan menguasai seluruh dunia dan mereka akan menggunakan sebarang helah dan cara bagi mencapai tujuan itu dan perjuangan ini tidak akan berkehabisan selagi ianya belum berhasil sepenuhnya bagi mereka itu. Maka setiap badan ataupun persatuan yang terpengaruh juga termasuklah Kerajaan sendiri ataupun badan yang lain sepertimana pertumbuhan-pertumbuhan ugama ataupun Kerajaan termasuk Kerajaan Islam akan cuba ditembusi dan dipengaruhi dalam mencapai tujuan tersebut. Oleh itu pihak Kerajaan sentiasalah berwaspada tentang niat ini dan mengambil tindakan yang berterusan supaya niat komunis itu tidak akan berhasil. Pengawasan dan tindakan Kerajaan ini sentiasalah menyeluruh dan komprehensif merangkumi seluruh spectrum kehidupan masyarakat bagi menjamin negara kita supaya tidak terjatuh di bawah kuasa komunis ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan saya adalah specific berkenaan dengan bagaimana subversive communist masuk ke dalam Kerajaan, terutama sekali adakah Yang Berhonnat Timbalan Menteri bersetuju iaitu kejatuhan Kerajaan Afghanistan oleh kerana subversive communist masuk ke dalam Kerajaan, bukan saya katakan Kerajaan iaitu di dalam pejabat tetapi daripada puncaknya sekali, sebab itu Kera-

jaan Islam Afghanistan dapat ditawan oleh komunis. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju di atas perkara ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar keadaan yang seumpama itu dan bagaimana yang saya telah terangkan bahawa Kerajaan sentiasa berwaspada di atas kemungkinan ini dan pada masa ini dan pada masa ini ataupun pada ketika ini tidaklah ada bukti-bukti bahawa keadaan ini mempengaruhi kepada pemimpin-pemimpin ataupun peringkat atas Kerajaan kita ini.

### LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

7. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu kecurangan disyaki berlaku dalam secara cabutkan undi bagi hadiah-hadiah tiket Loteri Kebajikan Masyarakat yang kedua tahun 1980 di Bagan Serai, Perak dan jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah perbuatan curang ini.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua apa yang disebut oleh Yang Berhonnat sebagai kecurangan adalah sebenarnya penipuan. Saya sedar bahawa satu penipuan disyaki telah berlaku dalam cabutan undi bagi hadiah-hadiah tiket Loteri Kebajikan Masyarakat yang kedua tahun 1980 di Bagan Serai, Perak. Perkara ini telahpun dilaporkan kepada pihak polis dan pihak polis sedang menyiasat. Tindakan telah juga diambil supaya perkara begini tidak berulang lagi dengan cara mengadakan kawalan yang lebih ketat ketika pengundian bagi hadiah-hadiah itu dijalankan

### RUMAH HARGA MURAH

8. Tuan Yap Peng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah-rumah harga murah yang telah diluluskan dalam tahun 1978 dan anggaran perumahan bagi tahun 1980.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya anggapkan pertanyaan Yang Berhormat itu adalah berkenaan dengan rumah awam kos rendah kerana Kementerian saya bertanggungjawab

atas projek tersebut. Pada 31hb Disember, 1979, Kementerian saya telah meluluskan sebanyak 12,192 unit rumah awam kos rendah. Dengan ini sebanyak 54,628 unit atau 74.3% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga telah diluluskan hingga 31hb Disember, 1979. Anggaran unit rumah awam kos rendah yang akan diluluskan pada 31hb Disember, 1980 adalah 9,756 unit.

#### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— PERUNTUKAN DIBELANJAKAN

9. Tuan Oh Siew Aun (*di bawah S. O. 23*) (2) minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang belum dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sehingga hari ini

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak \$14,479 juta daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga belum lagi dibelanjakan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sebutkan wang sejumlah yang disebutkan tadi tidak dapat dibelanjakan apakah faktor-faktor yang besar sebab tidak dapat dibelanjakan itu.

Tuan Mak Hon Kam: Bolehkah Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat telah menerangkan sejumlah wang yang tidak dapat dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu apakah sebab musabab atau faktornya wang itu tidak dapat dibelanjakan.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

- (1) masalah memiliki tanah;
- (2) masalah setingan;
- (3) kekurangan pegawai-pegawai mahir untuk melaksanakan projek;
- (4) kegagalan kontraktor untuk menepati syarat-syarat kontrak dan kekurangan bahan pembinaan dan bin-lain sebab yang tidak dapat dielakkan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kelewatan pelaksanaan projek-projek adalah seperti berikut:

- (1) memperolehi tanah sebelum: merancang sesuatu projek;
- (2) memberi projek-projek yang besar kepada perunding-perunding lain dan menambahkan lagi pegawai-pegawai mahir melalui kursus-kursus yang akan dijalankan oleh berbagai institusi-institusi.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah beliau beritahu Jabatan-jabatan manakah peruntukan yang sebanyak ini tidak dapat digunakan dan bolehkah beliau beri peratusannya tiap-tiap satu Jabatan yang terlibat.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adalah mengejutkan sekali apabila kita tahu sampai \$14 million harga projek yang tidak dapat dijalankan bagi Rancangan Malaysia Ketiga padahal Kerajaan kita mengisytiharkan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat mestilah berjalan dengan licin terutama mempertahankan tujuan asasi Kerajaan mencapai 30% untuk pembangunan bumiputra. Apabila berikuk sedemikian banyak yang tidak dapat dijalankan seperti yang tersebut, dengan yang demikian adalah secara tidak langsung mengusik ataupun mencubit tujuan-tujuan dasar Kerajaan kita yang paling murni yang hendak dilaksanakan dan dijanjikan kepada seluruh rakyat.

Saya suka bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengaku di Dewan ini bahawa Rancangan Malaysia Keempat pada tahun yang akan datang tidak akan berlaku satu sen pun dari projek yang ditetapkan mestilah berjalan mengikut landasannya.

Tuan Mah Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah suka kalau boleh melancarkan apa-apa yang telah ditetapkan tetapi saya tidak boleh berjanji di Dewan ini satu sen pun tidak boleh keluar

sepertimana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi Kerajaan akan mencubanya.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah usaha Kerajaan dan cara-caranya untuk menambahkan; tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan kekiirangan pegawai-pegawai kemahiran salah satu daripada faktornya.

Keduanya, saya ingin bertanya apakah tindakan Kerajaan akan ambil kepada kontraktor-kontraktor yang tidak menyelesaikan kerja-kerja mereka itu.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengkaji semula projek-projek yang belum diselesaikan.

#### KEKURANGAN BEKALAN DIESEL

10. Puan Hajjali Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu sahaja didapati kekiirangan bekalan disel dan barang-barang keperluan lain, dan jika sedar apakah tindakan beliau telah dan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa pada keseluruhannya bekalan barang-barang keperluan di negara adalah mencukupi. Saya sedar bahawa ada terjadi kajadian-kejadian putus bekalan di beberapa tempat di negara yang sporadic tetapi ini bukan bermakna apabila perkara seperti ini seluruh negara menghadapi masalah kekurangan bekalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kejadian-kejadian putus bekalan diesel di di beberapa tempat di negara dari masa ke masa adalah berpunca dari beberapa perkara dan di antaranya:

- (1) berlaku masalah pengangkutan dari tempat pembekal kepada peruncit-peruncit. Sebagaimana yang diketahui semua pengangkutan barang-barang petroliam yang mana merupakan satu bahan yang mudah terbakar dan menghendaki lori-lori khas yang diperbuat mengikut peraturan-peraturan yang ter-

tentu dan apabila terjadi sesuatu kepada kenderaan-kenderaan ini tempat-tempat yang sepatutnya menerima bekalan akan menghadapi putus bekalan, walau bagaimanapun ini tidak kerap kali berlaku. Oleh itu pada masa ini Kementerian saya jarang menerima aduan tentang kesulitan mendapatkan bekalan minyak diesel dan begitu juga keadaannya dengan bekalan minyak tanah dan lain-lain bahan petroliam.

- (2) masalah perhubungan di antara tempat-tempat pembekal dan penjual juga berlaku. Sayugia dimaklumkan para pembekal terpaksa juga menghantar bekalan ke tempat-tempat di luar bandar dan sebagaimana yang diketahui umum perhubungan di antara tempat-tempat ini kadangkala dilakukan dengan perhubungan sungai atau laut yang mana adalah memakan masa yang panjang.

Kerajaan dalam usahanya menentukan bahawa bekalan barang-barang keperluan terutamanya bekalan diesel dan minyak tanah tidak menghadapi kesulitan telah dan akan terus mengadakan langkah-langkah tertentu bagi mengelakkan berlaku kesusahan kepada rakyat. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- (1) mengadakan satu undang-undang yang memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk menjadikan setengah barang-barang keperluan sebagai barang kawalan yang mana Kerajaan dapat mengawal bekalan dan pengedaran serta menetapkan harga setengah-setengah barangan. Sehingga hari ini sebanyak 19 barang keperluan telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961,
- (2) mengadakan satu sistem yang dinamakan "rancangan bekalan yang diatur" ke atas bekalan diesel dan minyak tanah. Peraturan ini menghendaki setiap pembekal bahan-bahan tersebut mengemukakan rancangan-rancangan ke atas setiap penghantaran bekalan diesel dan minyak tanah sebulan lebih awal daripada tarikh-tarikh bekalan tersebut akan diberikan. Ini adalah untuk membolehkan pegawai-pegawai Kementerian menentukan bahawa pada tarikh yang dinyatakan bekalan-bekalan yang akan dihantar akan dipenuhi. Dengan yang

demikian mana-mana kawasan yang akan menghadapi masalah bekalan dapat dikesan dan tindakan selanjutnya akan diambil untuk mengelakkan dari berlakunya sebarang putus bekalan, di samping ini jumlah bekalan yang dihantar juga diketahui dan ini akan membolehkan Kementerian membuat satu naziran sama ada bekalan tersebut mencukupi atau tidak bagi satu-satu kawasan.

Mengenai barang-barang keperluan lain Kementerian saya sentiasa mempergiatkan pemeriksaan dan pengawalan dan Kerajaan dalam usahanya untuk menentukan bahawa penyelewengan dan salahguna diberkas serta dibentasi telah mengambil tindakan untuk menambah lagi keanggotaan Pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian saya ini pada pertengahan tahun ini.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan barang-barang kegunaan yang telah ada rancangan Kerajaan untuk mengatasinya. Soal masalah minyak diesel, gas dan lain-lain keperluan bukan untuk orang awam tetapi juga untuk kilang-kilang besar dalam negeri ini bahkan Kementerian ini telah membuat rancangan mendirikan kilang berat dalam negeri ini.

Saya hendak bertanya satu soalan sahaja. Masalah ini tidak akan selesai jikalau kita menghadapi kekurangan bekalan minyak tetapi adakah Kementerian ini mempunyai rancangan hendak menggunakan arang batu dijadikan satu tenaga untuk Kilang-kilang besar supaya tidak menggunakan minyak saja untuk menjalankan mesin-mesinnya sebab harga arang batu dalam pasaran dunia sekarang ini adalah murah sebanyak US \$70 setan dan ada banyak arang batu yang murah harganya didapati di negara kita ini. Soalan saya adakah Kerajaan atau Kementerian ini akan menggalakkan kilang-kilang menggunakan arang batu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kilang-kilang khususnya kilang yang menggunakan tenaga yang banyak seperti kilang simen, kilang tekstil, kilang karbid dan sebagainya menggunakan bahan-bahan baik diesel, baik fuel oil,, satu barang; petroleum dan di masa

sekarang yang mana dunia menghadapi bukan sahaja kenaikan harga minyak crude, petroleum oleh OPEC dari masa ke semasa, tetapi juga masalah bekalan. Jadi, sikap industri di Malaysia kita ini mesti berubah mengikut permintaan dan juga keadaan mengenai tenaga di dunia ini dan Kerajaan sedar bahawa kalau kita boleh menyelamatkan kegunaan tenaga (energy) dengan menggunakan bahan-bahan lain seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu arang batu dan juga lain-lain seperti nuklear dan sebagainya, ini ialah satu langkah yang patut digalakkan dan Kerajaan ada satu jawatankuasa di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang mana jawatankuasa ini mengkaji langkah-langkah untuk menyelamatkan tenaga (energy conservation).

Raja Datuk Nong **Chik** bin Raja **Ishak**: Soalan ini selalu dikemukakan dalam Dewan ini. Perkara ini adalah betul tetapi Menteri selalu menjawab iaitu mengatakan tidak minyak diesel ada. Jikalau di Petaling Jaya dan di Kuala Lumpur penjual petrol kiosk mengatakan diesel sudah habis, pergi ke sana sudah habis, pergi ke sini sudah habis, ini tidakkah shortage. Kalau misalnya minyak-minyak kereta yang biasa ini di mana kita pergi ada sahaja, ini tidak ada shortage, ini tidak ada komplin. Tetapi diesel ada kertas besar mengatakan sudah habis, jadi ini yang dikatakan shortage. Saya dengar iaitu Mobil, Shell dan sebagainya tidak puas hat: berkenaan dengan harga minyak ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menaikkan lagi harga minyak ini. Ini macam Emak Andir suruh Pak Pandir suruh gergasi makan anaknya memang ditelannya supaya mati langsung anak Pak Pandir itu. Jadi kalau dipandang begini, adalah rancangan Kerajaan untuk menaikkan lagi. Kalau tidak boleh atau oleh kerana didapati diesel ini adalah penting untuk negara maka Kerajaan nationalise sahaja, sebab di Taiwan patroleum dipunyai oleh negara, rokok dipunyai oleh negara, minuman dipunyai oleh negara, setengah-setengah-setengah yang genting dipunyai oleh negara. Boleh atau tidak dibuat kalau tidak begitu terus menerus akan berjalan seperti ini. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu mengenai

menaikan harga barang-barang petroleum, sebenarnya maknanya sama dengan satu soalan iaitu soalan number 25 pada hari ini, dan kalau tidak ada masa sampai kepada soalan 25 bolehlah saya memberi sedikit sebanyak latar belakang atas permintaan syarikat-syarikat minyak yang mana permohonan telah dibuat untuk mengkaji semula harga barang-barang petroleum seperti minyak petrol minyak diesel, minyak tanah dan lain-lain.

Berkenaan dengan kekurangan yang mana saya rasa Yang Berhormat itu barangkali membaca Malay Mail hari ini ada satu gambar yang mana ada satu patrolkiosk ada meletakkan tanda: DIESEL SOLD OUT. Ini berlaku dari semasa ke semasa yang mana apabila sebuah stesyen minyak dapat bekalan minyak, maka bekalan itu mengikut rancangan. Kalau dalam satu hari bekalan itu habis dijual, dia terpaksa meletakkan notis "Sudah Habis". Tetapi kalau kita menyiasat dan memeriksa barangkali ada satu petrol kiosk di jalan itu tetapi barangkali 100 ela atau 200 ela jaraknya boleh dapat sebab dia baru mendapat bekalan tetapi beliau habis dijual. Ini berlaku tetapi apa yang boleh mengelirukan ialah di mana notis "Sudah Habis" diletakkan, ini bukan bermakna semua stesyen di Malaysia ini sudah habis. Yang saya katakan kekurangan minyak bukan maknanya seluruh negara. Ini mengikut jadual yang kita dapat daripada syarikat-syarikat minyak, berapa akan dibekal tiap-tiap stesyen kita tahu sama ada bekalan cukup atau tidak cukup. Saya rasa sungguhpun sekarang satu perkara yang besar ialah harga yang mana sekarang sedang dalam kajian yang mana harga crude ini (OPEC) telah naik. Kalau kita bandingkan dengan tahun lepas US\$12.74 satu tong sekarang sudah naik kepada US\$35 satu tong. Itu sudah naik barangkali 40%. Jadi kalau kita mengharapkan syarikat minyak ini menjual dengan harga yang ditetapkan pada tahun lalu ini mesti mengakibatkan kerugian. Tetapi Kerajaan mesti mengkaji dari segi pengguna-pengguna dan juga akibatnya terhadap public transport seperti teksi dan lain-lain. Dengan ini Kerajaan telahpun memberi subsidi dan masalah sekarang kita hendak tentukan subsidi ini boleh naik sampai ke tingkat mana. Ini melambatkan keputusan atas

permohonan yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak mengenai harga bahan-bahan petroleum.

Tuan Micheal Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya mendengar Yang Berhormat. Timbalan Menteri menjawab dengan panjang lebar, tetapi perkara mengenai diesel dan kekurangan barang-barang keperluan bukan perkara yang baru. Tiap-tiap kali kita bermesyuarat dalam Dewan yang mulia ini isu ini timbul dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sama juga, seperti kita dengar, piring hitam, jawapannya sama, sebab-sebabnya sama. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bilakah dan apakab tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk menghapuskan sekali gus (permanently) masalah ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya bunyinya sama sebab keadaan tidak berubah. (*Ketawa*) Masalah kekurangan bekalan baik barang keperluan, baik lain-lain barang mesti ada jika kita menghadapi masalah seperti inflasi yang mana kos pengeluaran telah naik yang mana negara Malaysia ialah sebuah negara yang bebas dan kita tidak boleh mengeneipkan tekanan-tekanan yang datang dari luar negeri.

Satu lagi kita selalu mengatakan inflation ini ialah diakibatkan oleh pengguna sendiri ada psychology inflation. Kalau tidak perlu jangan beli sebab banyak wang kejar barang mesti harga naik (Too much money chasing too few goods). Jadi saya rasa pengguna-pengguna mesti memainkan peranan masing masing untuk menahankan psychology inflation ini

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Saya hendak mendapat tahu bilakah dapat diatasi masalah ini, kata Timbalan Menteri yang berkenaan juga yang bertanggungjawab. Itu betul, tetapi masalahnya sekarang dalam satu bandar yang menggunakan minyak diesel orang ramai tidak dapat hendak menjalankan motokar kerana seluruh bandar itu, bukan satu kiosk sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi tetapi keseluruhan bandar itu ketiadaan minyak. Saya ambil contoh Batu Pahat, Muar dan Melaka, tidak boleh kita hendak bertolak dari Muar atau Batu Pahat, di tengah jalan memang kita tidak boleh dapat minyak diesel langsung. Inilah kesusahan

orangramai dan membatalkan perjalanan mereka. Inilah sebabnya diminta Kementerian itu dalam apa cara sekalipun mengatasi masalah ini. Perkara ini bukan satu masalah yang kecil yang Timbalan Menteri selalu berbalik-balik cakap itu. Masalahnya kalau sudah ada minyak tidak ada masalah lagi. Ini boleh dikatakan keseluruhan kioak tidak ada minyak. Saya harap dapat diatasi hal ini supaya orang ramai jangan menghadapi kesusahan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa ada berlaku di tempat-tempat yang mana menghadapi kekurangan bekalan diesel, tetapi yang penting diketahui bukan semua tempat dan semua masa menghadapi kekurangan. Kalau itu berlaku, jadi bekalan baik hari pengeluaran (refinery) di Malaysia ini tambah import kerana tidak mencukupi permintaan, tetapi keadaan bukan begitu. Di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Rakyat saya telah beri pada masa dahulu angka-angka yang menunjukkan bekalan bahan petroleum, khususnya diesel pada tahun 1979 sudah bertambah 15% daripada diesel yang dikekalkan dalam tahun 1978. Kalau itu sudah bertambah dan permintaan di dalam kadar 10% sampai 15% di seluruh negara bekalan mencukupi, tetapi seperti saya katakan tadi ada kerap kali ada keputusan pengedaran lori minyak di tengah Jalan sudah tak boleh berjalan atau lain-lain sebab misalnya di Kuala Trengganu ada satu masa kurang bekalan, bukannya diesel, kurang dapat gasoline premium atau regular, sebab satu kapal dari Singapura patut sampai di Kuala Trengganu tetapi ada sebab-sebab yang tertentu tidak sampai pada masa yang dijadualkan. Jadi mengakibatkan kekurangan petrol di Kuala Trengganu. Jadi masalah ini mesti ada dan ini kalau kita berniaga mesti ada masalah seperti ini (*Ketawa*). Tidak boleh langsung kita menghapuskan masalah selagi kita hidup.

**Datuk Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak Timbalan Menteri itu melapangkan masa pada satu hari naik kereta biasa lalu daripada Kuala Lumpur sampai ke Johor Bahru, beliau akan dapat tahu berapa petrol kiosk yang ada minyak dan berapa yang tak ada minyak. Tidak ada guna cakap sahaja dalam Dewan ini kalau tak ada bukti yang terus-terang. Itu barangkali beliau boleh percaya.

**Dato' Lew Sip Han:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tak percaya, saya ada bukti dan kalau hendak buat satu lawatan bersama dengan Ahli Yang Berhormat pun boleh (*Ketawa*) tetapi kita ada pegawai di merata-rata tempat, jadi kalau berlaku kekurangan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu silalah laporkan kepada pegawai dan siasatan boleh dibuat dengan segera dan apabila kita dapat menentukan apakah sebab bekalan itu tidak sampai ke sana, kita ambil langkah untuk mengatasi masalah itu.

## PADI—HARGA MINIMA

**11. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan harga minima padi yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi kilang-kilang padi dan bagi LPN.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, harga minima padi sekarang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan dilaksanakan oleh LPN ialah \$28 sepikul bagi kelas pendek, \$30 sepikul kelas sederhana dan \$32 sepikul bagi kelas panjang dan harga-harga ini termasuk nilai \$2 sepikul yang dibayar secara kupon. Kilang-kilang swasta tidak dipaksa membeli padi dengan harga minima yang telah ditetapkan itu.

## PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI—PENGAMBILAN

**12. Tuan Alexander Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar untuk pengambilan pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi bagi tahun akademik 1981 dan sama ada beliau boleh memberi pecahan mengikut bangsa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, dasar pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan pada keseluruhannya adalah mencerminkan masyarakat berbilang bangsa di negara kita yang dikasihi ini. Pemilihan pelajar untuk kemasukan pula adalah bergantung kepada pencapaian akademik masing-masing di dalam peperiksaan STP/HSC atau yang setaraf dengannya. Calon-calon yang berkelulusan baik akan lebih berpeluang untuk mendapat tempat. **Dari** segi masyarakat berbilang kaum pula, pada tahun

akademik 1980/81 ini Kementerian bercadang menambahkan lagi 2% pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra pada keseluruhannya.

Pengambilan penuntut-penuntut ke universiti tempatan bagi sesi akademik 1980/81 sedang diproses. Oleh itu, angka sebenar peeahal mengikut kaum belum dapat ditentukan lagi.

## LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN KE INDIA

**13. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang diperolehi oleh beliau dalam masa lawatan beliau ke India tempuh hari.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke India yang bermula pada 18hb Januari, 1980 hingga 23hb Januari, 1980 adalah untuk memenuhi dua tujuan yang berasangan. Pertamanya, lawatan itu adalah bertujuan untuk mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Agung United Nations Industrial Development Organisation 21hb Januari, 1980 hingga 9hb Februari, 1980. Keduanya, Yang Amat Berhormat telah keduanya, Yang Amat Berhormat telah mengambil kesempatan untuk memenuhi jemputan dari rakan sejawat iaitu Menteri Perdagangan dan Bekalan Awam India untuk membuat lawatan rasmi ke negaranya.

Lawatan tersebut adalah tepat pada masanya memandangkan bahawa ia dibuat sebaik sahaja kerajaan baru di bawah pimpinan Puan Indira Gandhi ditubuhkan berikutan dengan kemenangan parti beliau di dalam pilihan raya umum negara itu. Yang Amat Berhormat telah berpeluang menemui Puan Indira Gandhi, Perdana Menteri India dan bertukar-tukar pendapat di dalam beberapa perkara-perkara kepentingan bersama termasuk hal-hal serantau dan antarabangsa. Perjumpaan ini juga membolehkan Yang Amat Berhormat membarui perhubungan persahabatan yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara.

Semasa di India, Yang Amat Berhormat juga telah mengadakan lawatan sambil meneliti sendiri kemajuan sektor perindustrian di negara tersebut terutamanya di dalam kemajuan sektor perusahaan kecil-kecilan

yang mana boleh dijadikan contoh kepada negara. Di dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat telah melawat beberapa kilang dan pusat penyelidikan perusahaan kecil-kecilan serta mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tersebut.

Yang Amat Berhormat telah juga mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha India yang mempunyai kilang-kilang di negara ini untuk merundingkan masalah-masalah dan peranan-peranan perusahaan-perusahaan tersebut dengan tujuan untuk meningkatkan lagi pencapaian. Yang Amat Berhormat telah menjelaskan kepada pengusaha-pengusaha India bahawa kegagalan beberapa projek usahasama India-Malaysia tidak seharusnya menjadi halangan kepada kerjasama di masa-masa hadapan malahan ianya hendaklah dijadikan panduan supaya kesilapan yang sama tidak berlaku lagi. Penjelasan itu telah dapat mengelakkan sebarang perasaan salah sangka di pihak pengusaha-pengusaha tersebut terhadap dasar Kerajaan Malaysia.

Semasa Yang Amat Berhormat menemui Menteri Perdagangan dan Bekalan Awam, India beliau telah menumpukan perundingan kepada perkara-perkara berkenaan perdagangan dua-hala. Beliau telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menambahkan perdagangan dengan negara-negara membangun termasuk India dan telah meneliti kemungkinan bagaimana eksport terutamanya bahan-bahan utama Malaysia ke negara itu dapat ditingkatkan. Beliau telah menerangkan bahawa pengeksporth-pengeksporth India harus memainkan peranan yang lebih agresif jika ia ingin menandingi keluaran-keluaran import di pasaran Malaysia memandangkan terdapatnya persaingan hebat di sektor itu.

Sepertimana yang telah Yang Amat Berhormat nyatakan awal-awal tadi, bahawa tujuan utama Yang Amat Berhormat mengadakan lawatan ke India ialah untuk mengetuai perwakilan Malaysia ke persidangan Aoging UNIDO Ketiga. Penyertaan Malaysia di Persidangan itu telah membolehkan Yang Amat Berhormat mengikuti dengan lebih dekat akan perkembangan di dalam perundingan di antara negara-negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu ke arah menyusun semula struktur ekonomi negara-negara dunia supaya lebih seimbang. Peryertaan Malaysia di Persidangan itu adalah penting dan ini telah memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat untuk membentangkan pendirian

negara kita di Persidangan tersebut. Di dalam kenyataan Yang Amat Berhormat di Persidangan itu, beliau telah menyeru untuk memindahkan industri dari negara-negara maju ke negara-negara membangun bagi mencapai matlamat menyusun semula industri dunia sejajar dengan matlamat "New International Economic Order". Yang Amat Berhormat juga telah menekankan bahawa usaha-usaha besar begini hanya akan berjaya jika benar-benar terdapat kesediaan negara-negara untuk mencapai bentuk kerjasama yang tulin. Apa yang harus diutamakan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara ialah adanya "political will" untuk berbuat demikian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan usahasama kita dengan pengusaha-pengusaha di India telah banyak menerima kegagalan. Adakah keadaan ini kita hendak teruskan pada masa akan datang ataupun bila kita hendak buat usaha sama dengan pengusaha di India ini hendaklah diteliti dengan cermat, dengan halus supaya tidak jadi gagal macam mana perusahaan kilang gula kita, ini akibat daripada usahasama dengan orang India.

**Dato' Lew Sip Hon:** Saya bersetuju kita mesti mengelakkan sebarang kegagalan.

Raja **Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan nombor 13 beliau ada mengatakan bukan sahaja termasuk trade and industry tetapi juga mengenai relationship di antara India dengan Malaysia—itu termasuk sekali. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab oleh kerana pada hari ini sungguhpun beliau bukan Menteri Luar Negeri tetapi oleh kerana beliau menjawab tadi, jadi saya hendak bertanya disebabkan jawapan tadi sudah terkeluar daripada trade maka adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila sampai di India berjumpa dengan Puan Indra Gandhi supaya jangan lagi diiktiraf Kerajaan Kampuchea yang dipimpin oleh Vietnam. Adakah dia berunding selain daripada trade oleh kerana tadi ada dikatakan good relationship begitu begini dan sebagainya.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah ialah apa kejayaan yang diperolehi oleh Yang Berhormat dalam masa lawatan beliau ke India saya kata ada dua tujuan yang berasingan. Jadi apa yang berkaitan dengan perdagangan, ini tanggungjawab Kementerian saya, saya boleh jawab. Kalau ianya ada dalam bidangkuasa Kementerian Luar Negeri, saya rasa Menteri Luar Negeri lebih arif untuk menjawab soalan itu.

Tuan Yang **di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).*

#### PENGEDAR DADAH YANG DITANGKAP

14. **Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pengedar Dadah yang telah ditangkap dan sama ada benar pengedar-pengedar yang ditangkap terdiri dari orang ternama di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (**Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie**): Jumlah pengedar yang ditangkap di bawah Ordinan Dadah Merbahaya 30/52 adalah seperti berikut:

1977. . . . .	5,526 orang
1978. . . . .	6,676 „
1979. . . . .	5,512 „

Dalam pada itu, pengedar-pengedar juga ditahan dan disekat di bawah Akta Darurat (Mencegah Jenayah dan Ketenteraman Awam) No. 5/69 seperti berikut:

Tahun	Tahanan	Sekatan
1977. . . . .	.181	37
1978. . . . .	.174	66
1979. . . . .	.140	41

Mereka yang ditangkap ataupun yang telah ditahan itu tidaklah dapat dikatakan dari orang yang ternama di negeri ini. Tetapi dalam menangkap atau menahan mereka yang terlibat dalam kegiatan dadah ini kita tidaklah mengira sama ada mereka orang ternama atau tidak.

## HAKMILIK TANAH BUMIPUTRA DI PULAU PINANG

**15. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan langkah-langkah positif yang sedang diambil untuk menegeah penukaran hakmilik tanah daripada Bumiputra kepada bukan Bumiputra di Pulau Pinang.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Disebabkan Enakmen Simpanan Melayu (Malay Reservation Enactment) tidak berkuatkuasa di Pulau Pinang maka segala tanah yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra tidaklah tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang terdapat di negerinegeri lain. Segala tanah milik Bumiputra di Pulau Pinang adalah bebas untuk dijual atau dicagar kepada orang lain kerana itu adalah hak mutlak tuan-tuan tanah tersebut dari segi undang-undang.

Kerajaan adalah sedar akan berlakunya penukaran hakmilik ini tetapi tidak mempunyai kuasa untuk menghalangnya selain daripada, dengan kerjasama Kerajaan Negeri, memberi nasihat agar pemilik-pemilik tanah tersebut sedar yang perbuatan mereka itu adalah merugikan mereka dan kaumnya sendiri dengan harapan kesedaran tersebut dapat menukar sikap mereka itu.

Sebagai satu jalan untuk mengatasi perkara ini ada kemungkinan badan-badan berkanun seperti MARA, UDA, LUTH, Unit penyertaan Bumiputra dan lain-lain badan tertentu boleh digalakkan membeli tanah-tanah ini yang pada akhirnya nanti boleh dijual kembali kepada Bumiputra.

## JAWATANKUASA PEMANDU ETHIKA PERKHIDMATAN CEMERLANG

**16. Dr Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah jawatankuasa guna untuk menimbang pemberian hadiah dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam supaya kakitangan awam, tidak kira bangsa atau keturunan diberi galakan yang perlu dalam perkhidmatan cemerlang mereka kepada negara.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu peringkat negara bagi pelaksanaan

Ethika Perkhidmatan Cemerlang. Di antara tugas jawatankuasa ini adalah untuk memikirkan cara-cara bagaimana anggota-anggota perkhidmatan awam boleh digalakkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada negara. Jawatankuasa ini juga sedang menimbang bentuk-bentuk penghargaan untuk dihadiahkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang memberi perkhidmatan cemerlang kepada negara.

Jawatankuasa Perlaksanaan Ethika Perkhidmatan Awam di peringkat Kementerian/Jabatan telah juga ditubuhkan dan tugas Jawatankuasa ini ialah melaksanakan teras-teras perkhidmatan cemerlang. Antara lain, tugas Jawatankuasa ini termasuk menimbang cara-cara galakan yang dapat diberi kepada kakitangan Kerajaan untuk meninggikan taraf perkhidmatan mereka. Pemberian hadiah yang nominal harganya sebagai hadiah dan peluang kenaikan pangkat lebih awal daripada rakan sejawat mereka adalah di antara faktor yang telah dipertimbangkan.

## MUTU SUKAN NEGARA

**17. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau bagi meningkatkan lagi mutu sukan negara ke taraf yang boleh dibanggakan demi untuk mengembalikan semula imej negara setelah sekian lama diliputi oleh mendung kegelapan, terutamanya di lapangan bolasepak dan badminton.

**Menteri Kebudayaan, Belia Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Soal tentang langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk meningkatkan lagi mutu ahli-ahli sukan telahpun berbangkit dan dijawab di sidang Parlimen dalam bulan Jun dan bulan September tahun lalu. Seperti yang telah saya nyatakan pada masa-masa itu, di antara rancangan-rancangan yang telah dan akan dijalankan ialah rancangan latihan bakat dan juga pemain-pemain barisan kedua di mana kedua-duanya itu telah dirancang. Hasil daripada rancangan-rancangan ini kelihatan beberapa kejayaan telahpun dicapai oleh pemain-pemain dan pasukan-pasukan kita di beberapa pertandingan antarabangsa yang telah dan sedang berjalan sekarang.

## SYARIKAT GAS PETROLEUM CECAIR

**18. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa sebuah Syarikat Gas Petroleum cecair tidak akan dapat lagi membekalkan gas bermula pada bulan Mei 1980 dan jika benar nyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

### **Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):**

Kerajaan memang sedar adanya kemungkinan sebuah Syarikat Gas Petroleum Cecair di Negara ini hendak menarik diri daripada pasaran barangan tersebut. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima perutusan rasmi daripada Syarikat yang berkenaan iaitu Syarikat Summit Petroleum (Malaysia) Sdn. Bhd., pada 5hb Januari, 1980 dan melalui perutusan tersebut penarikan ini dijangka berkuatkuasa pada 1hb Mei, 1980. Sebab utama yang dikemukakan oleh syarikat ini adalah berpunca daripada fakta bahawa mereka tidak lagi berupaya menanggung beban kerugian yang besar (dianggarkan sebanyak \$50,000 sebulan) yang timbul daripada kos pengeluaran yang tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaikan kos pengeluaran ini adalah disebabkan harga Gas Cecair telah meningkat naik daripada 25.19 sen satu paun pada 30-7-79 kepada 36.71 sen pada 22-2-80 (Harga-harga ini adalah berdasarkan kepada Harga Posting di Bukum).

Berikutan dengan cadangan penarikan Syarikat Summit daripada pasaran Gas Cecair di Negara, Kementerian saya sedar bahawa jika sekiranya perkara ini berlaku maka masalah kekurangan Gas Cecair pasti akan timbul di Negara terutama sekali di kawasan-kawasan utara semenanjung di mana syarikat ini membekalkan lebih daripada 20,000 pengguna-pengguna melalui 59 pengedar-pengedar. Demi memandangkan masalah ini yang akan berlaku Kementerian saya telah berusaha untuk menentukan perkara yang akan berlaku dicegah daripada terjadi dan sebagai langkah pertama satu pertemuan di antara Pegawai-pegawai Kementerian saya, PETRONAS dan Syarikat Summit telah diadakan pada 27-2-80. Mesyuarat ini telah membincangkan dengan sepenuhnya kesan-kesan dan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Summit khususnya masalah punca pembekalan Gas Cecair. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di

dalam mesyuarat ini satu persetujuan telah dicapai di mana Syarikat Summit telah bersetuju untuk menanggungkan tarikh penarikan daripada pasaran Gas Cecair di Negara kepada satu tempoh masa selama 90 hari. Ini bermakna ura-ura untuk menarik diri dari pasaran pada bulan Mei, 1980 telah ditunda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, bagi menentukan bahawa di dalam masa 90 hari ini, Syarikat Summit dapat menjalankan perniagaan, rundingan-rundingan akan diadakan dengan PETRONAS bagi memastikan adanya bekalan untuk diedar. Walau bagaimanapun ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan akan terus berusaha di dalam memastikan pengguna-pengguna Gas Petroleum Cecair di Negara tidak akan menghadapi kesulitan.

## POLARISASI KAUM DIANTARA PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH

**19. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan polarisasi kaum yang wujud antara pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah dan universiti-universiti, apakah tindakan yang akan diambil supaya dapat menghapuskan keadaan ini dan meningkatkan perpaduan nasional yang telah diaggap suatu matlamat yang utama dalam Dasar Ekonomi Baru kita.

### **Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):**

Memang tidak boleh dinafikan kemungkinan berlakunya polarisasi kaum di antara pelajar-pelajar di sekolah-sekolah dan di Universiti-universiti secara langsung atau tidak langsung. Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengelakkan dari berlakunya polarisasi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.
- (ii) Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kedua-dua perkara ini adalah jelas matlamatnya menuju kepada teras perpaduan nasional iaitu untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi rakyat tanpa mengira asal keturunan dan kawasan tempat tinggal.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar betapa perlunya perpaduan nasional diperkukuh dan dipertingkatkan bagi menjamin kemajuan dan keutuhan negara.

Langkah-langkah berikut telah dan sedang dilakukan melalui sistem pendidikan bagi mencapai matlamat tersebut:

- (i) Penukaran bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti tempatan kepada Bahasa Malaysia. Proses alih bahasa pengantar dari bahasa Inggeris di sekolah-sekolah SRK (Inggeris) ke Bahasa Malaysia telah bermula di darjah satu pada tahun 1970 di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta pada tahun 1977 di Sarawak. Proses ini diteruskan ke peringkat menengah dan dijangka pada tahun 1983, semua kuliah tahun satu di universiti-universiti tempatan akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia.
- (ii) Kementerian saya telah menggubal kurikulum matapelajaran-matapelajaran yang diselaraskan untuk semua sekolah dengan hasrat melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berakhlak tinggi dengan berorientasikan sains dan teknologi.

## PASAR BESAR DI DAERAH BANGSAR PARK KUALA LUMPUR

**20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan rancangan Dewan Bandaraya untuk menyediakan satu pasar besar di Daerah Bangsar Park Kuala Lumpur untuk keperluan penduduk-penduduk yang begitu banyak serta penduduk sekitarnya.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):** Dewan Bandaraya telahpun membina sebuah pasar di Rumah Pangsa Sri Pahang di Bukit Bangsar dan juga membenarkan satu "Pasar Lambak" dijalankan pada setiap pagi di Jalan Telawi untuk keperluan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Buat masa ini adalah difikirkan kedua-dua pasar yang terdapat di Rumah Pangsa Sri Pahang Bukit Bangsar dan di Jalan Telawi itu mencukupi bagi melayan kehendak penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Walaubagaimanapun, Dewan Bandaraya akan mengkaji dari masa ke semasa sama ada kawasan Bangsar itu memerlukan sebuah pasar yang lebih besar.

## LEMBAGA LETRIK NEGARA—PENGAMBILAN TANAH UNTUK RANCANGAN LETRIK

**21. Tuan Haji Nordin bin Pesah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan cara-cara Lembaga Letrik Negara mengambil tanah-tanah rakyat untuk sesuatu rancangan letrik dan cara-cara jabatan ini membayar gantirugi kepada tuan-tuanpunya tanah, yang terlibat.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Sukalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Elektrik 1949, LLN boleh menggunakan tanah dengan dua cara, iaitu pengambilan balik tanah (acquisition) dan izinlalu bagi projek-projek talian penghantaran elektrik lembaga.

Pengambilan balik tanah adalah bagi maksud seperti menempatkan tapak-tapak pencawang, bangunan-bangunan pejabat, stesyen-stesyen janaelektrik, projek-projek hidro-elektrik dan lain-lain. Pada biasanya, LLN akan terlebih dahulu bertindak untuk mendapatkan persetujuan dari pemilik-pemilik tanah bagi memiliki tanah yang tersebut. Sekiranya ini gagal, maka LLN, seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Elektrik 1949 Seksyen 43(1) akan memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan supaya tanah itu diambil balik mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Proses pengambilan balik ini adalah diuruskan oleh negeri-negeri yang berkenaan melalui Pemungut Hasil Tanah di sesuatu daerah itu. Bayaran pampasan akan dibayar oleh LLN kepada pemilik-pemilik tanah yang terlibat melalui Pemungut Hasil Tanah setelah proses pengambilan balik selesai dan lazimnya segala urusan bayaran dapat diselesaikan dalam masa 1 hingga 11/2 bulan dari tarikh LLN menerima borang-borang yang berkenaan.

Proses untuk mendapatkan izinlalu bagi talian penghantaran voltan tinggi adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 53, Akta

Elektrik 1949. ini termasuk peraturan-peraturan yang mengkehendaki Lembaga Letrik Negara atau pelesen awam yang berkenaan memberi notis kepada tuan empunya tanah dan tuan punya tanah juga diberi peluang untuk merayu kepada Lembaga Letrik Negara, pelesen awam yang berkenaan atau Pemungut Hasil Tanah di daerah yang berkenaan. Mengenai bayaran pampasan bagi izinlalu talian penghantaran penentuan kadar bayaran adalah dibuat setelah perbincangan untuk menaksirkan pampasan diadakan oleh Pemungut Hasil Tanah di daerah yang berkenaan, sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 58, Akta Letrik 1949. Mengikut seksyen yang sama juga tuan empunya tanah yang tidak puashati dengan taksiran yang diberi oleh Pemungut Hasil Tanah boleh merayu kepada pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran pampasan bagi talian voltan tinggi atas tanah-tanah yang terlibat adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) disturbance (gangguan);
- (ii) kerosakan (damage) atas tanah atau atas hartabenda seperti pokok-pokok dan rumah-rumah; dan
- (iii) disability (kecacatan).

Di samping membayar pampasan ke atas kerosakan yang berlaku, LLN juga membayar balik cukai tanah kepada pemilik-pemilik tanah mengikut seluas mana tanah mereka terlibat dengan aliran LLN dengan syarat pemilik tanah membayar dahulu eukai tanah itu dan mengemukakan resit kepada LLN.

### SEMAKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

**22. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak merdeka berapa kali gaji kakitangan Kerajaan telah disemak dan dinaikkan; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang menaikkan pencen kakitangan Kerajaan yang telah bersara di dalam semakan semula gaji kakitangan Kerajaan yang akan dibuat tidak lama lagi.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Raul':**

- (a) Sejak Merdeka semakan gaji secara menyeluruh bagi semua golongan kakitangan Kerajaan telah dibuat sebanyak dua kali.
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan pencen kakitangan Kerajaan yang telah bersara seperti cara yang dibuat bagi penyemakan semula gaji. Walau bagaimanapun, oleh kerana mengikut undang-undang bayaran pencen kepada seseorang kakitangan Kerajaan yang akan bersara adalah beralaskan kepada gaji akhir yang diterimanya, maka sudah tentulah kadar pencen yang diterima oleh seseorang kakitangan Kerajaan itu akan dengan sendirinya bertambah apabila gaji akhir yang diterimanya sebelum bersara dinaikkan berikutan daripada semakan semula gajinya itu. Lagi pula di masa-masa yang lepas kajian sentiasa dibuat dari semasa ke semasa di masa yang sesuai terhadap kedudukan pencen.

### HARGA MINUMAN DALAM BOTOL

**23. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penjualan minuman dalam botol dan kotak di Pantai Timur telah menaikkan harga minuman tersebut tanpa kebenaran walaupun beliau telah mengistiharkan di akbbar dalam bulan Julai yang lalu supaya minuman tersebut dijual dengan harga biasa, dan jika ya, apakah tindakan yang beliau telah ambil terhadap mereka ini.

**Dato' Sen Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minuman ringan dalam botol adalah termasuk senarai barang-barang yang diistiharkan sebagai barang-barang kawalan untuk musim perayaan. Di samping itu, harga minuman ringan adalah dikawal yang mana memberikan maksud bahawa pihak pengilang tidak dibenarkan menaikkan harga barangan ini tanpa kebenaran daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kementerian saya sedar bahawa pada 24hb Jun, 1979 pihak-pihak pengilang minuman ringan telah menaikkan harga jualan barangan tersebut yang mana telah menyebabkan

peruncit-peruncit menaikkan harga jualannya. Berikutan dengan ini, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi amaran yang keras kepada semua pengilang-pengilang, pengedar-pengedar serta peruncit-peruncit minuman ringan jangan menaikkan harga minuman itu sebelum mendapat kelulusan daripada Kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pengumuman ini diperbuat pihak-pihak pengilang telah mengemukakan kepada Kementerian saya permohonan untuk menaikkan harga minuman ringan. Berikutan dengan amaran yang telah dikeluarkan itu, pengilang-pengilang telah menangguhkan serta menarik balik kenaikan harga yang telah diperbuat. Untuk menentukan bahawa tidak ada kenaikan harga jualan, pegawai-pegawai Kementerian saya di seluruh negara telah diarah untuk memeriksa dan memastikan bahawa harga jualan minuman ringan pada masa itu dijual dengan harga yang lama iaitu 35 sen sebotol. Di samping itu, Kementerian saya juga telah mengadakan mesyuarat pada 27hb Jun, 1979 dengan pihak-pihak pengilang minuman ringan di negara, menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh mereka tidaklah begitu sesuai memandangkan kepada fakta bahawa sebarang kenaikan harga mestilah dikaji oleh Jawatankuasa Ulangkaji Harga sebelum kelulusan daripada Y.A.B. Menteri boleh diberikan. Dengan hal yang demikian, Kementerian saya telah dapat menahan kenaikan harga minuman ringan yang telah dilakukan tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, selepas musim perayaan iaitu pada 1-10-1979, setelah mengkaji memorandum yang dikemukakan oleh pihak pengilang-pengilang minuman ringan, Jawatankuasa Ulangkaji Harga telah bersetuju dengan permohonan pihak pengilang untuk menaikkan harga minuman ringan di mana harga ex-factory bagi satu crate (24 botol) dinaikkan dari \$4.40 kepada \$5.10 dan di peringkat runcit daripada 35 sen kepada 40 sen sebotol. Di samping itu, pihak-pihak pengeluar telah diberi arahan supaya mendapatkan kelulusan daripada Kementerian saya sebelum melakukan apa-apa kenaikan harga.

#### MAHKAMAH BAKU DI BRUAS

**24. Tuan S. I. Rajah** minta Perdana Menteri menyatakan :

(a) bangunan Mahkamah yang buruk di Bruas akan digantikan dengan yang baru; dan

(b) beliau sedar bahawa dengan Pindaan Akta Mahkamah Rendah, beban kerja di Mahkamah Tinggi telah dipindahkan kepada Mahkamah Majistret dan Mahkamah Session yang mana menambahkan beban Mahkamah Rendah dan sama ada beliau bercadang menambahkan lagi kakitangan untuk mengurangkan beban ini.

#### **Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Raul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Mahkamah baru di Bruas akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluannya. Sementara itu, sebuah bangunan Mahkamah baru sedang dibina di Pantai Remis yang berdekatan dengan Bruas dan juga mempunyai lebih ramai penduduknya.

Mengenai pertanyaan (b) pula, Kerajaan sedar tentang akibat Pindaan Akta Mahkamah Rendah yang menyebabkan pemindahan bebankerja di Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah-mahkamah Rendah. Atas kesedaran inilah, Kerajaan sekarang ini sedang menambah kakitangan di Mahkamah-mahkamah Sessions dan Mahkamah Majistret. Kajian mengenai penambahan anggota Mahkamah senantiasa dibuat dari masa ke semasa dan akan di tambah mengikut keperluan.

#### HARGA MINYAK

**25. Datuk Phua Cheng Leong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan menolak permohonan syarikat-syarikat minyak yang hendak menaikkan harga minyak demi untuk mencegah inflasi dan memandangkan keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat tersebut.

#### **Dato' Seri Mahathir bin Mohamad:**

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan membuat kajian yang mendalam sebelum menolak atau meluluskan sesuatu permohonan untuk menaikkan harga. Di antara fakta-fakta yang diteliti ialah kos bahan mentah, kos pemerosesan dan pengedaran, upahan dan sebagainya, keuntungan oprasi termasuk pulangan balik (net return) di atas modal yang dilaburkan adalah juga diambil kira. Dasar yang sama diikuti di dalam mengkaji permohonan dari syarikat-syarikat minyak.

Saya ingin menyangkal kenyataan yang mengatakan bahawa oleh kerana Malaysia merupakan negara pengeluar minyak, maka Malaysia dapat mengasingkan diri daripada pengaruh kenaikan harga minyak mentah yang diputuskan oleh negara-negara OPEC. Memang benar Malaysia ialah sebuah negara pengeluar minyak mentah tetapi buat masa ini kilang-kilang penapis minyak (refineries) yang ada di Malaysia tidak dapat menapis minyak kita itu dengan mencukupi dan kilang-kilang tersebut juga kurang sesuai digunakan untuk menapis minyak mentah tempatan adalah dari jenis yang bermutu tinggi. PETRONAS sedang mengambil langkah untuk mengadakan kilang-kilang penapisnya sendiri tetapi ini tidak mungkin dapat memulakan operasinya sehinggalah tahun 1983 atau 1984.

Oleh itu, kita masih mengimpot 70% dari minyak mentah yang digunakan untuk negara kita di samping mengimpot kira-kira 25% dari barang-barang petroleum keperluan kita dari luar negeri. Dengan yang demikian barang-barang petroleum di Malaysia sangat-sangat bergantung kepada harga minyak dunia dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga minyak di dunia telah naik beberapa kali ditahun-tahun kebelakangan ini. Misalnya dipertengahan tahun 1979 harga asas minyak mentah OPEC naik sebanyak 14% dari US\$12.74 se tong kepada US\$14.55 se tong diikuti dengan satu kenaikan lagi kemudiannya dari US\$14.55 se tong kepada US\$18 se tong iaitu sebanyak 24%. Di saat-saat akhir ini harga minyak mentah di pasaran dunia meningkat lagi. Kedudukannya pada bulan Februari, 1980 ialah bagi minyak Arab Light (yang dahulunya menjadi harga asas minyak OPEC) harganya ialah US\$25 se tong (naik 44%), Arab Medium US\$25.55 se tong., Kuwait US\$27.50, Iran Light US\$30.37 dan Miri US\$35.30. Begitu juga, harga impot barang-barang petroleum dari luar negeri telah meningkat.

Atas sebab-sebab inilah Kerajaan terpaksa membenarkan harga-harga minyak ini dinaikkan. Kerajaan sedar bahawa sebarang kenaikan harga keluaran-keluaran petroleum, terutamanya diesel dan minyak tanah akan memberi kesan kepada inflasi dan akan membawa kesusahan kepada pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sektor-sektor lain seperti pengangkutan, perikanan dan perindustrian. Oleh kerana ini, Kerajaan memberi pertimbangan yang besar

pada faktor ini dalam kajian harga minyak petroleum dan mencuba mengurangkan kesan-kesan ini terutamanya dalam pembayaran subsidi. Minyak diesel diberi subsidi sebanyak 46 sen segelen dan minyak tanah 51 sen segelen dan minyak tanah 51 sen segelen. Dengan subsidi ini pengguna-pengguna tempatan dapat membeli kedua-dua bahan ini dengan harga yang jauh lebih rendah dari harga-harga di negara jiran iaitu \$1.30 segelen. Walhal di Singapura misalnya, harga minyak diesel ialah \$2.86 segelen dan minyak tanah \$2.93 segelen. Di Thailand harga minyak diesel ialah \$3.19 segelen dan minyak tanah \$2.92 segelen; dan di Filipina pula harga kedua-dua minyak diesel dan minyak tanah ialah \$3.28 segelen. Subsidi-subsidi ini melibatkan perbelanjaan sebanyak \$341 juta kepada Kerajaan pada tahun lalu sahaja. Kerajaan juga memberi subsidi bagi tenaga letrik untuk menentukan harganya berada di paras berpatutan dengan memberi bantuan kewangan kepada Lembaga Letrik Negara.

Kesimpulannya, Kerajaan tidak dapat langsung mengasingkan diri daripada kesan-kesan kenaikan harga minyak. Walau bagaimanapun Kerajaan akan membenarkan kenaikan harga ini seminima yang boleh.

## PASUKAN KEDET POLIS

**26. Datuk Choo Ching Hwa** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah menengah di negara kita yang sudah mengadakan Pasukan Kadet Polis dan dari jumlah ini berapakah sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan China.

**Dato' Musa bin Hitam:** Jumlah Sekolah Menengah di negara kita yang mempunyai Pasukan Kadet Polis ialah 110 buah. Dari jumlah ini, 20 buah terdiri dari Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (sekolah conforming) selebihnya sebanyak 90 buah lagi adalah terdiri dari Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan termasuklah sekolah-sekolah yang dahulunya dipanggil Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris.

## KEMASUKAN KANAK-KANAK KE DARJAH SATU

**27. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang penerimaan

kanak-kanak yang dilahirkan di penghujung tahun iaitu hanya kurang beberapa hari sahaja untuk memasuki ke Darjah I.

**Dato' Musa bin Hitam:** Pada masa sekarang, kemasukan kanak-kanak ke darjah satu adalah terhad kepada kanak-kanak yang berumur tidak kurang dari 6 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun pada 1hb Januari tahun yang berkenaan ini adalah mengikut syarat yang ditetapkan dalam Laporan Jawatan-kuasa Pelajaran 1956 (Laporan Razak).

Kelonggaran peraturan itu walaupun perbezaan umur hanya beberapa hari, akan mengakibatkan berbagai-bagai masalah. Oleh yang demikian, Kementerian saya pada masa ini tidak akan menimbangkan sebarang pindaan tentang syarat-syarat masuk ke Darjah Satu.

### TEKSI/BAS PERSIARAN/BAS EKSPRES—BILANGAN LESEN DI PERAK

**28. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen untuk teksi, bas persiaran dan bas ekspres yang dikeluarkan dalam tahun 1979 bagi negeri Perak.

**Menteri Perusahaan Awam (Data' Abdul Manan bin Othman):** Bilangan lesen yang dikeluarkan di negeri Perak dalam tahun 1979 ialah seperti berikut:

- (i) untuk teksi . . . . . 287
- (ii) untuk bas persiaran . . . . . 4
- (iii) untuk bas ekspres. . . . . 4

### AKTIVITI KOMUNIS DI SEKOLAH

**29. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) nama sekolah-sekolah, jenis serta bilangan guru dan penuntutnya yang dikesan sebagai terlibat dalam aktiviti komunis; dan
- (b) tindakan jika ada, yang diambil terhadap sekolah-sekolah itu serta guru-guru besarnya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan sekolah yang mana terdapat muridnya terlibat ialah 26 buah; 9 buah daripadanya ialah sekolah-sekolah swasta dan bakinya ialah sekolah Kerajaan. Untuk menjaga nama baik sekolah-sekolah dan kepercayaan ibubapa kepada sekolah-sekolah berkenaan, Kementerian ini tidak bercadang untuk memberikan nama-nama sekolah yang terlibat.

Sejak tahun 1977 sehingga sekarang seramai 118 orang penuntut dan 27 orang guru yang disyaki terlibat telah ditangkap. Daripada bilangan tersebut 8 orang guru dan 12 orang penuntut telah dikenakan Perintah Tahanan. Sementara itu 10 orang guru dan 42 orang penuntut telah dikenakan Perintah Sekatan. Bakinya pula telah dibebaskan tanpa syarat setelah penyiasatan selesai dijalankan.

Sehingga ini tidak ada apa-apa tindakan ke atas guru-guru besar sekolah yang terlibat. Tindakan diambil ke atas mereka yang terlibat sahaja.

### WANITA DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

**30. Tuan Joseph Unting anak Umang** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kaum wanita yang sudah menyertai pasukan Tentera Darat, Laut dan Udara.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Bilangan kaum wanita yang memasuki Angkatan Tentera Malaysia iaitu meliputi angkatan tentera Darat, Laut dan Udara sehingga April 1980 berjumlah 2,192 orang. Ini termasuk pegawai dan lain-lain pangkat.

Pecahan mengikut pangkat adalah seperti berikut:

<i>Tentera Udara</i>	<i>Kerahan</i>	<i>Sukarela</i>	<i>Jumlah</i>
Pegawai . . . . .	35	14	49
Lain-lain Pangkat	327	1493	1820
<i>Tentera Udara</i>	<i>Kerahan</i>	<i>Sukarela</i>	<i>Jumlah</i>
Pegawai . . . . .	—	6	6
Lain-lain Pangkat	94	47	141

<i>Tentera Udara</i>	<i>Kerahan</i>	<i>Sukarela</i>	<i>Jumlah</i>
Pegawai . . . . .	3	6	9
Lain-lain Pangkat	16	151	167

### NASRUL HAQ—PERTUBUHAN

**31. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sikapnya terhadap fatwa Sahibulfadzilah Mufti Kerajaan Negeri Perak yang telah mengharamkan Pertubuhan NASRUL HAQ dari diamalkan di dalam Negeri Perak kerana bercanggah dengan ajaran Islam dan adakah Pertubuhan Nasrul haq itu akan dibubarkan keseluruhannya atau akan diharamkan dalam Negeri Perak sahaja.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Sikap saya mengenai perkara ini mudah saja, Nasrul Haq tidak salah dari segi akidah Islam. Datuk Mufti Kelantan dan Johor telah mengeluarkan fatwanya dengan jelas mengenainya dan tidak ada apa-apa yang saya ragukan sejak mula saya asaskan lagi.

Perkara pembuburan tidak timbul sama sekali kerana Nasrul Haq telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 secara sah dan ia akan terus bergerak seperti biasa, tentang pandangan Mufti Perak itu terpulang kepada masyarakat menilainya.

### UNDANG-UNDANG MENGAWAL DEMONSTRASI

**32. Puan Hajjah Tom Saudah binti Othman** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan Rang Undang-undang yang mengharamkan demonstrasi untuk kebaikan negara kita.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Undang-undang sudah ada yang mengawal segala bentuk perhimpunan orang-ramai. Sebarang perhimpunan termasuk demonstrasi yang tidak mendapat kebenaran Polis adalah haram.

### LATIHAN ALA TENTERA KEPADA ANGGOTA RELA

**33. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan memberi latihan ala tentera yang lebih cergas kepada Anggota RELA dan jika ya, bila.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Berhubung dengan soal ini inginlah saya menerangkan di Dewan ini bahawa falsafah RELA sebagaimana yang telah di-setujukan adalah:

- (i) Mengadakan benteng keselamatan kawasan;
- (ii) Menjalankan tugas-tugas kebajikan dan sukarela;
- (iii) Menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi dan berdikari.

Mengikut falsafah yang pertama itu, maka RELA adalah dijangka memainkan peranan membantu Pasukan Keselamatan apabila diminta.

Latihan-latihan yang diberi kepada Ahli-ahli RELA adalah mengikut peranan yang dimainkan oleh RELA sesuai dengan tujuan falsafahnya itu dan keadaan keselamatan semasa. Ini termasuklah sedikit sebanyak latihan tentera yang sesuai dengan caa-cara kawalan kampung.

### PEMBEKAL ALAT-ALAT TENTERA KAPAL LAUT/KAPALTERBANG

**34. Tuan Ibrahim bin Adullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan negara-negara yang menjadi pembekal alat-alat ketenteraan termasuk kapal laut dan kapal-terbang kepada negara kita.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Kerajaan Malaysia mengamalkan sistem tender terbuka apabila membuat pembelian. Sebagai mematuhi amalan ini, Kementerian Pertahanan membuat pembelian peralatan tentera (termasuk kapal laut dan kapal-terbang) daripada "Free World Countries" di Eropah Barat, Amerika Syarikat dan Asia. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia membeli peralatan tentera dari mana juga negara asalkan ianya memenuhi keperluan operasi Kementerian Pertahanan, memberi jaminan

terhadap perkhidmatan selepas jualan yang tidak terputus dan memuaskan, serta tidak mengenakan sekatan terhadap kegunaan peralatan yang dibeli.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pertahanan telahpun memperolehi peralatan perang dari negara-negara berikut:

- (a) Amerika Syarikat.
- (b) United Kingdom.
- (c) Australia.
- (d) France.
- (e) Canada.
- (f) Sweden.
- (g) Belgium.
- (h) Jerman Barat.
- (i) Italy.
- (j) Austria.
- (k) Yugoslavia.
- (l) Portugal.
- (m) Holland.
- (n) Pakistan.
- (o) Korea Selatan.
- (p) Switzerland.
- (q) Jepun.
- (r) Singapura.

## KAKITANGAN DI BANK PERDAGANGAN

35. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kakitangan mengikut jenis pekerjaan dan kaum di semua Bank di Semenanjung Malaysia;
- (b) sama ada angka-angka ini menggambarkan satu kemajuan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru; dan
- (c) rancangan Kerajaan untuk memastikan bahawa komponen kaum adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi sektor ini.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):**

- (a) Mengikut angka-angka yang dikeluarkan oleh Bank Negara, bilangan kakitangan di semua Bank-bank Perdagangan di seluruh negara ialah pada 31-1-1980 ialah 21,528.

Butir-butir lanjut mengenai pecahan angka-angka tersebut mengikut kaum dan jenis pekerjaan adalah seperti berikut, iaitu pada 31-1-1980.

### BANGSA

<i>Jenis Pekerjaan</i>	<i>Bil Kakitangan</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
(a) Kakitangan pengurusan kanan	409	82	254	27	46
(b) Kakitangan penyeliaan	5,434	1,817	3,245	322	50
(c) Kakitangan perkeranian	10,907	4,093	5,809	904	101
(d) Kakitangan bukan perkeranian	1,867	770	962	111	24
(e) Kakitangan rendah buruh kasar	2,911	1,869	367	635	40
Jumlah	21,528	8,631	10,637	1,999	261

Sebagai kesimpulannya, walau bagaimanapun, bolehlah saya katakan bahawa angka-angka pecahan kaum

mengikut pekerjaan di Bank-bank adalah seperti berikut:

	<i>Bumi-putera</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lam-lam</i>
Peringkat pengurusan dan penyeliaan . . . . .	32.5%	59.9%	5.9%	1.6%
Perkeranian . . . . .	37.5%	53.2%	8.3%	0.9%
Bukan perkeranian dan kumpulan rendah	55.2%	27.8%	15.6%	1.3%
Jumlah	40.1%	49.4%	9.3%	1.2%

- (b) Angka-angka di atas adalah mencerminkan kerugian dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pada 31-1-1976 kedudukan perimbangan kaum dalam tenaga kerja di Bank-bank ialah 34.8% Bumiputera, 54.8% China, 8.9% India dan 1.5% Iain-lain. Di peringkat pengurusan kanan, peratus Bumiputera telah meningkat dari 9.7% kepada 20% sementara peratus kaum India telah meningkat dari 5.4% kepada 6.6%. Di peringkat penyeliaan pula peratus Bumiputera telah naik daripada 22.5% kepada 33.5% sementara peratus India telah meningkat dari 4.9% kepada 5.9%. Di peringkat perkeranian pula, peratus Bumiputera telah meningkat daripada 32.7% kepada 37.5% sementara peratus India daripada 6.2% kepada 8.3%.
- (c) Pegawai-pegawai dari Kementerian saya dan Bank Negara, sentiasa menasihati serta menggesa pihak-pihak Bank untuk menentukan bahawa susunan pekerjaan adalah mencerminkan perimbangan kaum di negara ini.

### SISTEM OMBUDSMAN

**56. Br Choo Kooi Fook** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan melaksanakan sistem "Ombudsman" untuk menguruskan segala jenis aduan-aduan dan untuk menjamin kecekapan jabatan-jabatan Kerajaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Soalan yang serupa tujuannya dari Ahli Yang Berhormat Puan Rahmah Othman telah saya beri jawapannya semalam. Sebagai tambahan, suka saya sebutkan bahawa pada awal tahun 1968 Kerajaan telahpun mengundang seorang "Ombudsman". Laporan Sir Guy Powles telah dikaji dengan teliti oleh Kerajaan dan Kerajaan mengambil keputusan bahawa sistem "Ombudsman" tidak begitu sesuai bagi Malaysia kerana keadaan sosial dan politiknya. Konsep "Ombudsman" adalah satu konsep dari luar negeri, mempunyai sejarah lebih 500 tahun dahulu dan ini tidak boleh secara melulu dicocokkan dalam sistem pemerintahan di negara ini.

Oleh yang demikian Biro Pengaduan Awam telah diwujudkan, dan seperti yang saya telah sebutkan semalam, Kerajaan adalah

berpuashati dengan tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Biro Pengaduan Awam setakat ini. Kerajaan tidaklah bercadang untuk melaksanakan sistem, "Ombudsman" tersebut.

### DASAR PERTANIAN NEGARA— LANGKAH PERLAKSANAAN

**37. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan 15% dari jumlah kaum tani adalah kaum muda apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya dasar Pertanian Kerajaan tidak akan terjejas.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Soalan Yang Berhormat itu adalah kurang jelas maknanya kepada saya. Walau bagaimanapun, jika soalan itu dapat saya takrifkan membawa makna bahawa jumlah 15% kaum tani muda adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan dasar pertanian dan dasar perkembangan industri, maka langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini, dalam sektor pertanian antara lain-lainnya, adalah seperti berikut:

Langkah utama ialah memodenkan sektor pertanian dengan tujuan untuk meniggikan pengeluaran pertanian dan meningkatkan pendapatan dari aktiviti-aktiviti pertanian. Langkah memodenkan sektor pertanian termasuklah penggunaan jentera-jentera pertanian, memperkenalkan atau mengemukakan teknologi baru seperti penggunaan benih, baja, racun serangga dan sistem pengairan dan Iain-lain infrastruktur yang akan memberi sumbangan dalam pencapaian objektif tersebut. Selain daripada itu Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki taraf dan kualiti kehidupan masyarakat kampung melalui penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan letrik, air, jalanraya, kesihatan, pelajaran dan sebagainya. Langkah-langkah di atas adalah diharap akan dapat menarik minat kaum muda untuk terus tinggal dan menyertai rancangan-rancangan pertanian negara.

## RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

**38. Tuan Imail bin Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Setakat ini, Kerajaan belum lagi menentukan jumlah wang yang akan diperuntukkan bagi Rancangan Malaysia Keempat.

## REGIM HENG SAMRIN— PENGIKTIRAFAN

**39. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingan yang diadakan oleh Negara-negara ASEAN setakat ini dengan Kerajaan India untuk memujuk supaya tidak mengiktiraf Kerajaan Heng Samrin.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa keputusan Kerajaan India untuk mengiktiraf regim Heng Samrin nampaknya merupakan satu perkara yang dibesar-besarkan oleh akhbar sahaja. Setakat ini, Kerajaan India masih belum lagi mengiktiraf regim Heng Samrin.

Tiap-tiap negara ASEAN secara sendirinya sentiasa mengadakan hubungan rapat dan bertukar-tukar fikiran dengan Kerajaan India berkenaan perkara-perkara kepentingan bersama, termasuklah perkembangan di Indo-China kini. Di samping itu, Kerajaan India juga sentiasa memberi perhatian berat dan menyedari kehendak-kehendak ASEAN mengenai masalah ini.

## PERHUTANAN DAN URUSAN KAYU BALAK

**40. Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak meminda Perlembagaan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengendalikan semua urusan mengenai kayu balak dan tidak lagi kepada Kerajaan-Negeri.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Saya tidak bercadang hendak meminda Perlembagaan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengendalikan semua urusan mengenai kayu balak. Perlembagaan kita mempunyai peruntukan-peruntukan yang jelas mengenai tanggungjawab dan bidangkuasa yang diberi kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Mengikut Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan, perkara-perkara mengenai perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, sementara eksport serta import keluaran hutan kecuali bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Peruntukan juga terdapat bagi Kerajaan Persekutuan untuk memberi nasihat dan bantuan teknik kepada Kerajaan Negeri dalam bidang perhutanan iaitu melalui Majlis Perhutanan Negara dan seterusnya Majlis Tanah Negara. Memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan ini telah memberi kuasa yang jelas kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Persekutuan tidak bercadang hendak menyentuh bidangkuasa Kerajaan Negeri, dan dengan itu mendapati, tidaklah perlu meminda peruntukan mengenai perhutanan dan urusan kayu balak seperti yang ada dalam Perlembagaan kita sekarang ini.

## SUKAN OLIMPIK DI MOSCOW

**41. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada negara-negara ASEAN yang lain telah bersetuju memulaukan sukan Olimpik di Moscow sebagai membantah pencerobohan Russia di Afghanistan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Setakat mana yang saya tahu, buat masa ini, selain dari Malaysia hanya Singapura telah membuat keputusan untuk memulaukan Sukan Olimpik. Yang lain-lainnya belum lagi mengumumkan keputusan mereka.

## KOMPLEKS SUKAN DI KUALA LUMPUR

**42. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk membina lebih banyak lagi kompleks-kompleks

sukan di Kuala Lumpur untuk menampung keperluan penduduk yang kian bertambah dan juga sebagai kemudahan-kemudahan rekreasi tambahan bagi penduduk-penduduk di Ibu Kota.

**Dato' Hussein Onn:** Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak kompleks-kompleks sukan di Kuala Lumpur sebagai kemudahan-kemudahan rekreasi bagi penduduk-penduduk di Ibu Kota. Bagi tahun 1980 ini, berbagai-bagai kemudahan sukan sedang dan akan dilaksanakan disekitar Wilayah Persekutuan. Di Taman Tasik Titiwangsa sebuah kolam renang yang bertaraf Olimpik dan sebuah bangunan kelab dengan 4 gelanggang squash akan dilaksanakan selain dari 10 buah gelanggang Tenis yang telah dibina di Taman tersebut.

Di Bandar Baru Cheras pula sebuah Kolam Renang dan sebuah Dewan akan dibina pada tahun 1980 ini.

Kemudahan-kemudahan di Kompleks Sukan Bangsar juga akan ditambah. Selain dari Dewan untuk bermain badminton dan 3 gelanggang squash yang sedia ada, 4 gelanggang tenis, sebuah gelanggang sepak takraw, sebuah gelanggang bola keranjang dan sebuah kolam renang akan juga diadakan.

Dewan Bandaraya juga sentiasa membina Dewan-dewan Serbaguna untuk kemudahan penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya telahpun membina sebanyak 7 buah Dewan Serbaguna iaitu di Datuk Keramat, Jalan Pekeliling, Taman Ibu Kota (Gombak), Cheras, Jinjang, Bangsar dan San Peng yang mempunyai kemudahan-kemudahan rekreasi dan sukan. Bagi tahun 1980 ini, 2 buah lagi Dewan Serbaguna iaitu di Kampung Konggo, Cheras dan Kg. Bahru akan juga dilaksanakan.

Selain dari kemudahan-kemudahan sukan, berbagai-bagai kemudahan rekreasi juga sedang/akan dilaksanakan. Selain dari Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Bunga/Tasik Perdana, 2 buah taman lagi iaitu di Cheras dan Bukit Kiara Damansara sedang dirancang untuk dibina.

## DASAR KEMENTERIAN PENERANGAN

**43. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Penerangan mempunyai dasar dalam menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (b) bilakah Kementerian dapat mengadakan dasar Penerangan yang boleh dijadikan panduan.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):**

- (a) Bagi menjalankan tugas-tugasnya Kementerian Penerangan mempunyai dasar untuk merumus, merancang, menyelaras serta melaksanakan aspek perhubungan atau komunikasi dalam dasar-dasarnya, rancangan, program dan kegiatan-kegiatan Kerajaan supaya rakyat dapat memahami dan menyedari dengan jelas perkara-perkara tersebut disamping memupuk perkembangan kesenian dan kebudayaan yang ada serta membantu membentuk masyarakat Malaysia bagi mencapai cita-cita yang terkandung di dalam Rukun Negara.

Andainya maksud soalan Ahli Yang Berhormat itu menumpukan kepada aspek penerangan sebagai satu komponen Perhubungan atau komunikasi maka secara umum dasar Penerangan Kementerian saya ialah memberi, menyebarkan atau menyampaikan maklumat-maklumat:

- (i) bagi meninggikan imej Malaysia;
- (ii) mengenai fungsi dan peranan institusi-institusi yang termaktub didalam Perlembagaan, undang-undang dan peraturan dibawahnya;
- (iii) mengenai dasar-dasar, rancangan, program dan kegiatan-kegiatan Kerajaan;
- (iv) mengenai kepentingan terhadap perpaduan dikalangan mencapai cita-cita yang terkandung di dalam Rukunegara;
- (v) mengenai kepentingan terhadap kesenian dan kebudayaan yang ada serta memupuk perkembangannya;

- (vi) mengenai perkara-perkara yang perlu diketahui oleh rakyat bagi mendorong mereka bersikap dan bertindak secara positif demi kemajuan, kesetabilan, keselamatan dan kemakmuran negara; dan
- (vii) bagi mendapatkan maklumbalas-maklumbalas mengenai sesuatu keadaan dan bidang bagi dibekalkan kepada para pentadbiran dan pimpinan Kerajaan demi mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan dar masa ke semasa.

Sayugia saya nyatakan sebahagian besar daripada maklumat-maklumat yang lazimnya diedarkan oleh Kementerian saya adalah berpunca dari lain-lain institusi (Kementerian atau agensi Kerajaan), melainkan maklumat-maklumat yang tepat mengenai fungsi dan tugas Kementerian saya sendiri. Dalam lain perkataan, Kementerian saya bertindak sebagai 'mouthpiece' bagi pihak institusi tersebut dan tidak sebagai jurucakap (spokesman) Kerajaan, melainkan mengenai perkara-perkara tertentu sahaja atau yang tepat dengan fungsi dan tugas Kementerian saya sendiri. Peranan jurucakap (spokesman) ini sedikit sebanyak ada juga dimainkan oleh Jabatan Penerangan di dalam hubungannya dengan media swasta dan/atau orang ramai terutama di peringkat negeri atau di peringkat akar umbi (grass-roots level), apabila ia diminta oleh institusi tersebut (seperti Kerajaan-kerajaan Negeri) untuk memberi penerangan atau mempertahankan pendirian Kerajaan dalam sesuatu isu.

- (b) Memandangkan kepada apa yang saya sebutkan tadi perkara ini tidak berbangkit lagi.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah.

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima." (8hb April, 1980).

3.36 *ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat kita ditangguhkan pada petang semalam, saya telah menyentuh satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu berkenaan dengan keutuhan agama Islam. Jadi dengan izin, saya suka memetik semula apa yang telah dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

"Dalam hubungan ini, Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka. Dan dengan kejatuhan ini agama Islam bukan sahaja terancam tetapi biasa dihapuskan. Oleh itu, janganlah hendaknya ada yang cuba menghalang kemajuan, jika kita benar-benar ingin agama Islam kekal dan berkembang maju."

Beginilah yang dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia mempunyai rakyat yang datang daripada beberapa keturunan dan menganuti berbagai agama ini tidak boleh dinafikan. Perlembagaan kita telah menjamin atas kebebasan beragama, Fasal 11 Perlembagaan, rasa saya jelas, tetapi saya suka ulangkan lagi sekali yang mana berbunyi;

"11. (1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya."

Fasal 4 ialah berkaitan dengan kuasa negeri-negeri membuat undang-undang yang boleh mengawal atau menyekat perkembangan apa-apa iktikad dan kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Itu telah diterangkan di dalam Perlembagaan kita. Kita juga tidak boleh lari daripada hakikat bahawa sebahagian besar penduduk kita di negara ini adalah beragama Islam. Dan Islam juga telah dijamin sebagai agama Persekutuan di bawah satu Perkara lagi di dalam Perlembagaan. Tetapi bila kita halusi apa yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka kita nampak kebimbangan Baginda atas perkara-perkara yang berlaku di negara kita ini yang mungkin melemahkan bukan sahaja agama Islam tetapi juga perpaduan orang-orang Islam.

Dari semasa ke semasa kita mendengar tuntutan segolongan rakyat supaya undang-undang negara kita ini semuanya mesti mengikut undang-undang Islam, ada yang membuat tuntutan demikian.

Kalau negara kita hanya mempunyai masyarakat daripada satu keturunan daripada satu agama—itu mungkin, tetapi saya tidak percaya yang agama Islam sendiri menyuruh orang yang bukan menganut agama Islam mengikut hukum-hukum Islam. Tetapi apa yang boleh dilakukan sekarang ialah apabila kita membuat undang-undang baik di Parlimen ini atau di mana sekalipun, undang-undang itu boleh berlunaskan kepada prinsip-prinsip Islam; itu boleh dijalankan. Tetapi ada bezanya jikalau kita hendak mengatakan yang semua undang-undang mestilah mengikut undang-undang syarak; memang ada bezanya. Banyak peraturan-peraturan yang baru yang berkaitan dengan pemodenan, mesin dan sebagainya, berkenaan dengan "bursa komoditi" umpamanya, tidak ada kena-mengena dan tidak boleh hendak disesuaikan. Tidak ada undang-undang syarak yang dahulu yang telah mengatakan ini peraturannya. Jadi di sinilah rasa saya patut kita membezakan undang-undang Substantive dengan undang-undang secara Procedure. Itu boleh dibezakan.

Saya percaya kalau kita meletakkan negara kita ini di bawah satu undang-undang sahaja tanpa mengira jaminan-jaminan yang telah diberi di bawah Perlembagaan tanpa mengira hakikat yang berlaku di negara kita, saya percaya itu bukan sahaja bertentangan

dengan kehendak Islam tetapi juga akan mencetuskan kacau-bilau di negara kita dan itu tidaklah perkara yang kita ingini.

Saya percaya ulama-ulama Islam sendiri bersetuju bahawa prinsip-prinsip yang baik yang memang timbul di dalam agama Islam boleh diserahkan sebagai sebahagian daripada undang-undang negara. Tidak ada orang yang hendak menentang perkara yang baik patut dijadikan sebahagian daripada undang-undang. Itu boleh dilakukan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah agama ini khususnya dalam masalah agama Islam, sehari dua yang ke belakang ini kita lihat banyak perpecahan di dalam agama Islam sendiri yang telah berlaku. Anak-anak muda kita yang kita hantar ke luar negeri untuk mendapat pelajaran telah kembali ke tanahair dan membawa satu fahaman lain sungguhpun mereka mengakui yang mereka beragama Islam. Gerak geri mereka memang berlainan sekali daripada apa yang kita percaya dan kita akui di negara kita di sini. Ini telah menjadi bukan sahaja kerunsingan kepada ibubapa anak-anak itu tetapi juga kepada negara. Itu satu perkara.

Satu perkara lagi yang saya suka timbulkan ialah dalam hendak membuktikan yang rakyat ini betul-betul rakyat Islam kita mengambil jalan yang keterlaluan. Satu contoh yang saya suka bawa ialah baru-baru ini kita sama-sama mendengar dan membaca dalam suratkhbar bahawa ada ura-ura yang tiap-tiap rakyat Islam yang berkahwin mestilah membawa kad pengenalan baru bersama-sama dengan gambar isterinya. Barangkali Tuan Yang di-Pertua bersama dengan sahabat-sahabat saya yang lain telah melihat "caricature" yang dibuat oleh pelukis nasional kita "Lat" membuktikan kedudukan yang memang sungguh lucu. Saya sendiri tidak mengerti kenapa kita hendak membazirkan wang semata-mata hendak mengadakan kad pengenalan sedemikian. Itu soal ekonomi, jangan kita katakan kita adakan kad pengenalan ini tanpa mengenakan sebarang perbelanjaan. Kita terpaksa mengadakan kakitangan untuk mengendalikannya. Tetapi yang lebih-lebih penting sekali ialah seolah-olah orang Islam itu tidak boleh dipercayai. Ini yang penting sekali; menyentuh maruah orang Islam, orang yang beragama lain tidak perlu membawa kad pengenalan tetapi kepada orang Islam kita cap dia.

Ini rasa saya tidak betul. Keikhlasan dan kejujuran orang Islam tidak patut disoal begitu dan saya harap perkara ini tidak akan timbul dan jikalau ada ura-ura yang orang Islam yang telah berkahwin satu atau empat mesti membawa kad pengenalan lain yang berasingan, saya tidaklah bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Alangkan sekarang kita telah penuh poket membawa bermacam-macam kad; kad pengenalan memang diperlukan—ini oleh kerana masalah keselamatan kita perlu membawa kad pengenalan, itu menasabah. Tetapi selepas itu ditambah pula lagi sekarang ini kalau seseorang itu menjadi pemandu motokar, ia juga terpaksa membawa lesen memandu. Dahulu tidak payah, kalau dia tidak hendak bawa kerana undang-undang membolehkan dia menunjukkan di mana-mana Police Station dalam tempoh 36 jam atau beberapa waktu yang ditetapkan tetapi undang-undang itu telah dipinda dan sekarang ini dimestikan kita membawa pula lesen itu bersama dan kalau ada pula lagi satu kad sudah tentu poket kita penuh dengan kad sahaja.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedar di negara kita ini dengan hujannya dan bermacam-macam itu tidak menjamin yang kad itu boleh kekal baik. Saya tahu ramai orang yang telah terpaksa membaharui kad pengenalan mereka atau lesen memandu mereka kerana telah binasakan oleh hujan, panas dan sebagainya. Dalam masalah ini saya berharap jangianlah perkara yang keterlaluan itu berlaku.

Satu perkara yang saya suka menyentuh berkenaan dengan pecah belah umat Islam ialah dalam masalah menetapkan tarikh bulan Puasa dan Hari Raya. Saya tidak menyoal kuasa-kuasa yang ada di bawah Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan, itu saya tidak menyentuh; tetapi tidak boleh kita lari daripada hakikat bahawa apa yang berlaku di negara kita ini, negara yang boleh dikatakan kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, kita mempunyai berbagai-bagai pendapat, berbagai-bagai pendirian kerana satu negeri mengatakan ini haknya, dia nampak bulan hari ini dan satu lagi negeri mengatakan ini hak dia, dia nampak bulan hari esok. Itu dengan sendirinya menunjukkan pecah belah di antara kita sama kita dan saya yakin perkara ini dapat timbangan yang saksama oleh mereka yang berkenaan untuk mengatasinya supaya kita dapat mencari satu keharmonian bukan sahaja di antara negeri-negeri di

dalam Persekutuan tetapi juga di antara negara-negara Islam. Bulan itu satu sahaja, rasa saya tidak ada sebabnya yang satu negeri lihat bulan dua hari selepas negara lain. Ini telah berlaku di masa-masa yang lampau. Inilah unsur-unsur yang menunjukkan bahawa keutuhan ugama Islam sudah menjadi masalah. Perkara-perkara yang kecil diperbesarkan. Kita patut mencari jalan sama-sama bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul supaya umat Islam dapat kata sepakat dan dapat menunjukkan kebenaran dan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu masalah ekonomi yang dihadapi oleh rakyat kita. Kita memang boleh bermegah bahawa Malaysia bernasib baik kalau dibandingkan dengan separuh-separuh negara ataupun kebanyakan negara, kerana dengan kebijaksanaan kita mentadbirkan ekonomi kita maka kedudukan kita tidaklah begitu buruk. Hari demi hari kita melihat kemerosotan ekonomi di negara-negara maju. Kita tidak boleh hendak lari daripada negara-negara maju kerana apa yang berlaku kepada negara-negara itu sedikit sebanyak melibatkan kita.

Saya selalu mengatakan kalau negara-negara industri yang maju tidak membeli bahan keluaran kita, bahan mentah kita seperti bijih timah dan sebagainya, ini sedikit sebanyak mencetus kedudukan kita. Itulah sebabnya saya percaya Kerajaan memandang berat atas masalah menentukan supaya kadar inflasi di negara kita ini tidak melompat-lompat tinggi dan dengan kajian yang teliti dengan strategi yang dikaji sebaik-baiknya maka dapatlah sedikit sebanyak perkara ini dikawal.

Kalau kita pandang kepada kadar bunga (interest) yang dikenakan oleh Institusi-institusi Kewangan di negara kita ini bolehlah kita bangga yang negara kita dapat mengekalkan satu taraf yang rendah kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju. Ini sudah tentu membantu rakyat, ini sudah tentu tidak meyakinkan rakyat bahawa ekonomi kita huru-hara. Bagi mereka yang telah mempelajari pertumbuhan negara kita, pergerakan kadar interest kita khususnya prime rate yang dikenalkan oleh Institusi Kewangan kita dapati bahawa ini telah diatur dengan baik supaya meyakinkan rakyat jelata

bahawa kedudukan ekonomi kita adalah baik dan Institusi-institusi Kewangan sama-sama mahu mencegah kenaikan inflasi.

Di Amerika Syarikat sekarang ini prime rate yang dikenakan oleh bank-bank ialah 20% berbanding dengan kita 7.5%. Di Jerman sekarang ini, pada bulan April ini 9.75%; Singapura 11.25%; United Kingdom 18%; Amerika Syarikat saya sebutkan tadi 20%; Hong Kong 16%; Jepun yang dahulu rendah daripada kita sekarang sudah sampai 9.25%.

Cuba Tuan Yang di-Pertua fikirkan jikalau Institusi-institusi Tempatan juga turut menaikkan interest ratenya sudah tentu badan-badan lain juga turut menaikkan dan negara ini tidak boleh tahan, tidak boleh kekal jikalau kadar inflasi kita melompat-lompat naik.

Inilah satu perkara yang meyakinkan dunia atas kebaikan ekonomi negara kita dan ini hanya boleh dilakukan, dijalankan dan dikekalkan bukan sahaja dengan langkah Kerajaan ataupun langkah yang diambil oleh Institusi Kewangan tetapi lebih-lebih lagi ialah rakyat biasa sama ada seorang individu atau syarikat-syarikat sendiri.

Inilah yang dimaksudkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bila Baginda mengatakan yang rakyat patutlah berjaga-jaga supaya tidak dikuasai oleh psikologi inflasi. Rakyat sendiri terpaksa memainkan peranannya. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menasihatkan supaya rakyat tidak menyebabkan pembelian yang berlebihan, menyorok barang dan menasihatkan supaya menambahkan pengeluaran. Inilah langkah-langkah yang boleh dilakukan dengan berkesan oleh rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bagaimana psikologi inflasi ini telah bermaharajalela di Amerika Syarikat itulah yang menyebabkan interest ratenya melompat hingga 20%. Ini bertukar, bukannya seminggu sekali atau sebulan sekali. Hari demi hari dia bertukar kerana rakyat tidak mempunyai keyakinan lagi dan saya harap perkara sedemikian tidak berlaku di negara kita.

Kalaulah berlaku maka sudah tentu akibatnya sangat buruk dan bagi kita hendak memperbaiki semula tentu akan menjadi sukar sekali. Ada baiknya bukan sahaja bagi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong mengingatkan begitu bagi kita juga menyambut seruan itu supaya kita bersama-sama membenters dan melawan inflasi. Ini boleh dilakukan dengan pengertian rakyat terhadap masalah yang dihadapi. Dan saya percaya mass-media kita ada membantu rakyat untuk mengenali masalah ini, untuk menolong rakyat bagaimana hendak bersama-sama membenters inflasi tadi. Kempen anti sorok, rasa saya, sudah puas kita lihat di dalam TV. Nasihat supaya membeli tidak dengan berlebihan itu juga, saya rasa selalu ditayangkan di TV.

Bagi rakyat yang bekerja apa yang boleh dilakukan ialah bagi menambahkan pengeluaran atau meningkatkan produksinya. Bag: syarikat-syarikat begitu juga. Bagi pekerja begitu juga. Kalau semuanya berbuat demikian, Insya Allah kita dapat mengatasi serangan inflasi itu. Tetapi adakah semua rakyat kita sedar dalam perkara ini? Ini tanda tanya, ini soalan yang suka saya kemukakan, baik kepada pekerja, sama ada pekerja yang telah disenaraikan, yang telah diaturkan di bawah Kesatuan Sekerja ataupun pekerja biasa ataupun pekerja-pekerja Kerajaan.

Adakah kita tahu jawapan itu di dalam hati sanubari masing-masing? Adakah kita sanggup bekerja lebih sedikit daripada yang biasa? Adakah kita bersedia supaya produksi kita bertambah? Inilah yang dimaksudkan dengan penglibatan rakyat. Tetapi jikalau unsur-unsur yang mana bekerja sendiri rasanya yang dia tidak perlu bekerja lebih daripada yang ditetapkan sebaliknya mencari helah untuk mengurangkan kerjanya, sudah tentu ini akan menjadi satu gejala besar kepada negara kita.

Tetapi sebaliknya jikalau tiap-tiap rakyat mengerti masalah yang sedang dihadapi ini dan sanggup bekerja lebih daripada apa yang ditetapkan kepadanya, saya yakin negara kita akan menjadi satu negara yang kukuh, bukannya untuk satu dua tahun tetapi untuk berdekad-dekad, mungkin beratus-ratus tahun. Semangat ini belum lagi ditanam dengan sebaik-baiknya di dalam hati rakyat kita dan mungkin itulah yang dimaksudkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bila Baginda mengatakan rakyat yang berdisiplin. Baginda mengatakan: "Punca kemajuan dan kejayaan seseorang itu

ialah "self-discipline". Rakyat yang berdisiplin ialah rakyat yang tahu tentang tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap ugama, diri sendiri, keluarga dan negara."

Saya telah menyentuh berkenaan dengan masalah disiplin ini semasa saya membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan pada akhir tahun lepas dan saya tidak bercadang hendak mengulanginya semula.

Inilah peranan yang boleh dimainkan oleh kita semua sebagai rakyat biasa, baik sebagai pekerja, baik sebagai majikan, baik apa sekalipun. Langkah-langkah lain bagi mengatasi problem ekonomi boleh diambil dan sedang diambil oleh Kerajaan dan salah satu daripada syor baru yang telah dikemukakan ialah bagi negara ini mengambil bahagian di dalam bidang industri berat.

Industri berat memang penting kepada sesuatu negara. Kita tidak boleh menjadi satu negara yang maju nanti jikalau kita tidak melibatkan diri di dalam bidang industri berat. Di zaman kita mencebur diri di dalam bidang industri ringan, rasa saya sudah lepas dan kita terpaksa menghadapi perjalanan masa dan menyediakan diri untuk mengambil bahagian yang lebih dalam bidang industri berat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya lihat daripada hasil mereka yang ada di dalam institusi-institusi pelajaran tinggi ataupun institusi-institusi teknik, ini tidak meyakinkan saya yang kita boleh berkecimpung dengan sebaiknya di dalam bidang heavy industry ini. Mungkin pada masa yang lampau kita titikberatkan siswazah-siswazah keluaran daripada universiti, dan tidak mengambil berat, tidak memberi pandangan yang sewajarnya terhadap mereka yang di peringkat pertengahan, yang saya maksudkan mereka yang berkelulusan diploma dan sebagainya.

Dulu, tiap-tiap pelajar kita yang mendapat Sijil Tinggi Pelajaran semuanya hendak masuk universiti. Kalau masuk Technical College, itu dianggap sebagai status second class. Jadi semuanya berkejar pergi ke universiti kerana hendak mendapatkan ijazah. Itu saya tidak hendak marahkan mereka itu. Itu hak mereka untuk mendapat pelajaran yang sebaik-baiknya, Tetapi apabila kita mem-

buat perhitungan, hendak mengadakan heavy industry atau light industry sekalipun sudah semestinya kita adakan golongan-golongan yang berkelulusan pertengahan tadi kerana tiap-tiap seorang siswazah kita memerlukan sekurang-kurang empat atau sebaik-baiknya sepuluh orang dibawanya untuk membantu siswazah tadi, tetapi kita tidak berbuat demikian.

Dalam bidang ini bolehlah saya bandingkan dalam keanggotaan tentera lebih jeneral daripada prebet. Itu tidak betul. Tiap-tiap seorang professional, seorang yang mempunyai kelulusan ikhtisas dia terpaksa disokong oleh sekurang-kurangnya 4 hingga 10 sub-professional. Mana dia orangnya? Orang ini tidak ada. Di dalam bidang inilah saya merayu kepada Kementerian Pelajaran dan Kerajaan sendiri supaya mencari jalan meyakinkan bahawa mereka yang lulus dalam bidang diploma yang menjadi hanya sub-professional itu berguna kepada negara dan janganlah hanya kita menyediakan peringkat atas sahaja tanpa mengira mereka yang diperlu di peringkat pertengahan. Sudahlah itu, yang di peringkat bawah sekalipun sekarang ini sudah menjadi masalah.

Saya masih ingat saya membuat satu soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkenaan dengan masalah yang mungkin timbul pada satu hari yang rakyat biasa kita tidak mahu lagi menjadi penoreh getah, dan jikalau berlaku demikian, apakah akan jadi kepada perusahaan getah kita? Kita tidak mempunyai orang yang sanggup menoreh getah kerana apa, kerana semua rakyat dapat pelajaran tinggi, pelajaran menengah. Semuanya tidak lagi sanggup hendak menjadi pekerja buruh atau pekerja yang menjalankan kerja-kerja di ladang getah dan sebagainya. Ini akan menjadi masalah dan ini bukan perkara baharu. Banyak negara-negara yang maju yang telah mengalami masalah ini. Jikalau kita bercita-cita hendak ke arah itu kita mesti bersedia menghadapi kekurangan tenaga pekerja nanti. Sudah tentu tidak ada orang yang hendak bekerja di ladang-ladang getah atau kelapa sawit atau apa-apa ladang sekalipun jikalau imbuhan yang mereka dapat itu tidak berpatutan. Di masa ini perkara itu belum lagi menjadi masalah. Tetapi saya percaya di dalam lima tahun yang akan

datang perkara ini akan menjadi masalah. Kita akan mengalami kesusahan mendapat tenaga untuk bekerja di ladang-ladang perusahaan kita dan terpaksa kita mencari jalan lain supaya ladang-ladang itu dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya. Ini melibatkan pendapatan pekerja-pekerja itu.

Saya sedar sekarang ini sudah banyak ladang-ladang getah di Johor, ladang-ladang kelapa sawit juga di Johor dan di tempat lain yang tidak cukup tenaga. Kita tidak boleh meyakinkan pekerja-pekerja yang menganggur daripada utara atau daripada Pantai Timur pergi, mereka tidak mahu pergi. Oleh yang demikian, ladang-ladang itu tidak menghasilkan produksi yang sepatut dan ini merugikan. Oleh itu, saya suka meminta Kerajaan memerhatikan perkara ini supaya masalah tenaga itu tidak akan menjadi masalah yang buruk pada satu masa nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh ringkaskan?

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamad Yassin:** Boleh. Tuan Yang di-Pertua. Inilah nasib, bila hari penghabisan saya terpaksa berjimbat masa dan saya akan mematuhi kepada arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh satu perkara sahaja lagi yang saya rasa tidak kurang pentingnya yang melibatkan penglibatan rakyat sendiri—tanggungjawab rakyat. Tadi saya sentuh tanggungjawab pekerja, tanggungjawab pegawai Kerajaan, tanggungjawab majikan dan malangnya saya tidak dapat menghuraikan dengan lebih panjang lagi apa yang saya hendak sebutkan dalam masalah ini. Tetapi satu perkara yang saya rasa tidak kurang pentingnya ialah penglibatan mereka yang menjalankan tugas-tugas di dalam bidang akhbar, mereka dalam bidang kewartawanan. Kewartawanan adalah satu bidang yang penting. Mereka juga dianggap sebagai satu golongan iktisas, yang tugasnya juga suci dan murni, tetapi ada kelemahannya. Kalau seorang peguam umpamanya membuat kerja-kerja yang tidak mengikut atauran iktisasnya beliau boleh diseret ke hadapan Majlis Peguamnya supaya tindakan selanjutnya boleh diambil terhadap peguam itu. Begitu juga seorang doktor kalau dia membuat sesuatu pekerjaan yang

dianggap keji oleh golongan mereka sendiri, doktor itu boleh diseret di hadapan General Medical Council untuk mendapatkan tindakan disiplin. Dan saya percaya apa juga golongan ikhtisas mempunyai majlis mereka sendiri untuk menentukan bahawa ikhtisas itu yang dijalankan oleh bidang itu tetap tinggi dan baik mutunya. Tetapi dalam bidang kewartawanan nampaknya tidak ada.

Saya memberi pujian kepada wartawan-wartawan kita. Pada keseluruhannya sikap-sikap wartawan kita, mutu dan karia-karia mereka adalah tinggi dan pada keseluruhannya mereka bertanggungjawab kerana apa yang ditulis oleh mereka khususnya berkaitan dengan pembangunan negara adalah penting kepada rakyat pada keseluruhannya. Tetapi tidak ada satu badan, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh mengawal dan menghukum umpamanya wartawan-wartawan atau pengarang-pengarang yang telah keluar daripada batasan, yang telah menjalankan tugas-tugasnya dengan tidak mengikut lunas-lunas profesionnya sendiri. Saya telah baca beberapa kali dalam lidah pengarang akhbar-akhbar tempatan—tidak payahlah saya sebutkan nama akhbar itu—dan saya dapati sebahagian daripada rencana itu bukannya mencerminkan kedudukan negara ataupun kedudukan rakyat tetapi sebenarnya kedudukan dirinya sendiri si penulis itu. Ini menunjukkan yang si penulis itu mempunyai satu vested interest dan digunakan kesempatan itu sebagai pengarang ataupun penulis dan boleh bermaharaialela memburuk-burukan sesuatu. Ini tidak adil, Tuan Yang di-Pertua. Dan bagaimanakah kita hendak mengawal mereka itu supaya mereka itu tidak membuat pekerjaan yang tidak baik itu. Di sinilah sayangnya kita tidak mempunyai satu badan yang mana seseorang yang telah teraniaya boleh mengadu seperti seorang yang menggunakan peguam dan peguam itu telah menyalahgunakan kuasa-kuasanya ada tempat orang itu boleh mendea, tetapi dalam bidang kewartawanan tidak ada.

Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan bahawa Kerajaan bersama-sama mereka yang di dalam bidang kewartawanan untuk kebaikan profesion itu sendiri dan untuk kebaikan rakyat sendiri supaya ditubuhkan satu Majlis Kewartawanan yang bertujuan, antara lain, mengekalkan kebebasan akhbar-akhbar tempatan yang telah

lama diwujudkan. Kita juga bersetuju supaya kebebasan akhbar itu memang patut diberi seperti yang telah dijamin dalam Perlembagaan kita,

Satu lagi tugas, mengekalkan sifat-sifat tersendiri akhbar-akhbar tempatan kerana kita tidak boleh mengikut akhbar-akhbar lain, kita mempunyai sifat-sifat kita sendiri. Itu eloklah dikekalkan supaya sesuai dengan taraf profesional dan perdagangan yang tinggi.

Satu lagi tugas saya suka syorkan bagi Majlis Kewartawanan ini ialah untuk menimbang pengaduan-pengaduan mengenai tatacara suratkhbar (conduct of the Press) dan tatacara orang-orang perseorangan atau badan-badan terhadap akhbar dan bertindak terhadap pengaduan-pengaduan tersebut dengan sewajarnya. Di sinilah kalau ada masalah yang tidak patut ditimbulkan oleh akhbar-akhbar sama ada pengarang ataupun penulis rencana ataupun reporter biasa ada tempat yang kita boleh mengadu.

Satu lagi tugas ialah bagi Majlis itu mengikuti perkembangan-perkembangan yang membawa kemungkinan menghadkan sumber maklumat yang penting dan menarik perhatian masyarakat.

Jadi biarlah tugas Majlis Kewartawanan ini adil, orang ramai dapat diperlindungi, akhbar sendiri dapat diperlindungi. Ini bukan perkara baru di separuh-separuh negara tetapi saya rasa hairan di negara kita ini mereka yang terlibat dalam bidang ini belum lagi dapat mewujudkan satu badan, badan profesional yang boleh menjagai bagi profesion itu sendiri dan juga bagi pihak orang ramai.

Untuk meringkaskan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak menerangkan dengan lebih panjang tugas-tugas dan cara-cara dan bentuk-bentuk Majlis ini, memadailah dengan syor saya supaya perkara ini dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan yang ada kaitannya kerana Television dan Radio terlibat dalam bidang ini dan juga syarikat-syarikat suratkhbar yang ada di negara kita ini, badan-badan wartawan, Institute of Journalists, Union of Journalists dan sebagainya mereka juga patut melibatkan diri dalam ini supaya boeh menentukan bahawa bidang itu menjalankan tugas-tugasnya dengan secara profesional dan dengan taraf yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhirinya saya tidak dapat tidak suka menyentuh apa yang telah dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Baginda menyampaikan Titah Ucapannya. Baginda bukan sahaja menyampaikan Titah Ucapannya dengan penuh perasaan seperti saya katakan pada petang semalam tetapi Baginda juga telah mengambil satu sikap baru yang mana Baginda sendiri selepas Titah Ucapan itu beramah-mesra dan berkenal-kenalan dengan tiap-tiap Anggota Parlimen. Ini satu perkara yang agak luar biasa. Ini merapatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja kepada Ahli-ahli Dewan Parlimen tetapi kalau kita ikuti jejak langkah Baginda, Baginda telah merapatkan diri kepada rakyat biasa. Kalau kita lihat setelah permainan bola sepak di antara Republik Korea dengan Malaysia pada hari Ahad yang lepas Baginda sendiri telah turun beramah-mesra dengan pemain-pemain pasukan kita. Ini menunjukkan kemessraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan rakyat biasa dan inilah yang akan mengekalkan kepercayaan kita terhadap Raja yang berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya dengan penuh sukacitanya menyokong usul yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Rahmah Othman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nampak ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Di Raja ini. Saya kira ada sejumlah 18 Ahli-ahli Yang Berhormat lagi yang ingin mengambil bahagian. Hari ini kita ada 2 jam lagi dan mengikut aturcara pada hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Kita ada 2 jam lagi hari ini dan jikalau seorang Ahli Yang Berhormat mengambil masa 15 minit sahaja kita mendapat 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bercakap, inilah masalahnya. Saya bolehlah minta Yang Berhormat Menteri-menteri pada hari esok memberi sedikit masa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas. Jadi saya merayu Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan bercakap meringkaskan ucapannya, walau bagaimanapun tidak lebih daripada 10 atau 15 minit.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Choo Ching Hwa berucap, 10 minit cukuplah.

4.30 ptg.

Datuk Choo Ching Hwa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mempersembahkan ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaannya Parlimen pada 17hb Mac, 1980.

Sepertimana yang Baginda Titahkan, walaupun kini pertumbuhan ekonomi dunia sudah berundur, tetapi negara kita, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, ekonominya masih kukuh. Tuan Yang di-Pertua, kita patutlah bangga akan pencapaian Kerajaan kita pada hari ini.

Pada masa ini, Rancangan Malaysia Ketiga sudah hampir masa penghabisannya, berikutnya adalah permulaan Rancangan Malaysia Keempat. Inilah juga masa pertengahan dalam perlaksanaannya Dasar Ekonomi Baru. Dengan nyatanya, Dasar Ekonomi Baru ini adalah satu panduan untuk mencapai keamanan dan kemakmuran di atas suatu asas kukuh, dalam negara kita yang berbilang kaum ini. Matlamat yang teragung ini sama ada boleh dicapai, tentulah akan mempengaruhi masa depan anak cucu kita. Dalam pada ini, matlamat dan semangat Dasar Ekonomi Baru mestilah diperjuangkan dan diperkukuhkan. Dalam perlaksanaannya bukan sahaja Kerajaan kita patut berusaha mengenenpikan segala penyelewengan yang akan wujud, tetapi juga mestilah membolehkan rakyat kita menyaksikan diri sendiri, bahawa perlaksanaan ini melepaskan diri dari apa juga pun penyelewengan-penyelewengan ini. Dari segi ini, sepuluh tahun yang akan datang ini adalah iangka masa yang amat penting. Jika kita berlalai-lalai, pertumbuhan ekonomi negara kita tentulah akan berundur, ini bermakna apa yang diusahakan dahulu pun dicuainya, dan seterusnya sengsara kegagalan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Jadi masalah kini adalah bagaimanakah kita akan menumpu segala usaha dan tenaga kita untuk mengatasi pencabaran hebat tahun lapan puluhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional adalah parti yang bertanggungjawab. Kita mesti belajar dari pengalaman dan berani memperbaiki apa-apa salah yang sudah kita lakukan. Kita mesti meruntuhkan semua halangan, menjamin kesempumaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini. Pada pendapat saya, pada ketika Dasar Ekonomi

Baru ini sedang menjejak ke masa pertengahan dalam pertengahan dalam per laksanaannya ini, kita mestilah bertindak dengan berani, dengan sekaligusnya menghapuskan semua penyelewengan dan halangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda menyeru rakyat kita berusaha memajukan bahan-bahan negara kita, dan sedia menghadapi pencabaran tahun lapan puluhan yang hebat ini. Rayuan ini patutlah diterima oleh semua rakyat kita. Walaupun Kerajaan Barisan Nasional adalah kukuh dan terkenal, tetapi jika hanya dengan usaha Kerajaan sahaja, tanpa usaha dari rakyat jelata, tentulah kita tidak akan mampu mencapai apa-apa. Jadi Kerajaan kita mestilah bertumpu kepada soalan, bagaimanakah kita akan mendapat sokongan dan juga penyertaan rakyat dalam usaha Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita memberatkan keuntungan negara dan mengenenpikan segala penyelewengan yang disebabkan oleh kehendak individu. Pada pendapat saya, matlamat ini boleh dicapai melalui keadilan dalam melaksanakan segala dasar Kerajaan. Kita mesti menjamin tidak akan wujudnya perasaan ketidakpuasan antara kaum di negara kita. Kerajaan kita patutlah menjamin segala dasar yang dilaksanakan ini akan membolehkan rakyat kita, tanpa kira kaum, melahirkan perasaan kepunyaan kepada negara yang dikasihi ini. Jika segala rakyat merasa mereka sudah berakar dalam tanah-air, sudah berhubung rapat dengan Malaysia, masa depannya sudah bergantung kepada negara ini, dengan dirinya, mereka akan berusaha sepenuh hati dalam pembinaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, salah satu langkah yang berkesan yang membolehkan rakyat menanam perasaan kepunyaan adalah menyelesaikan masalah perumahannya, membolehkan "mereka yang tinggal memilih rumah". Jika seseorang memilih rumah yang bertempat di atas tanah-air, apa jua sebab akan meruntuhkan ketetapan hatinya untuk menahankan tanah-air, apa jua sebab yang akan menghalangnya dari menyertai dalam pembinaan tanah-air dan memajukan ekonomi negara. Dalam pada ini, saya berpendapat, secepat mungkin ianya mencapai matlamat "yang mereka tinggal memilih rumah" ini adalah usaha utama Kerajaan kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda sudah menekankan bahawa Kerajaan kita menitikberatkan masalah perumahan. Kerajaan kita sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Ini sangatlah dialu-alukan. Memandang kepada dahaganya rakyat memerlukan rumah, cubalah kita melihat usaha Kerajaan dalam hal ini. Setakat ini, unit rumah murah yang terbina dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya dua puluh peratus dari jumlah targetnya. Bilangan jumlah penduduk semakin meningkat, ditambah pula masalah penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar besar. Saya boleh pasti kalau diberi masa lima puluh tahun pun kita tidak mampu menyelesaikan masalah tempat tinggal rakyat kita. Kita mestilah pada masa ini melepaskan diri dari segala halangan kemajuan, menumpu kepada masalah yang wujud dan mengambil langkah yang cukup berani untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan menyoalkan kejujuran Kerajaan dalam mengatasi masalah perumahan ini dan usahanya pihak yang berkenaan ini. Saya cuba membentangkan kebenaran. Kerajaan sudah berazam untuk mengatasi masalah ini, walau bagaimanapun, kini sudah wujud sebab-sebab buatan manusia yang melemahkan usaha Kerajaan ini. Memandang kepada keperluan tempat perlindungan rakyat semakin kuat, kita mestilah menitikberatkan kepada tiga perkara dalam membina rumah iaitu "cepat, banyak dan jimat", dengan lain perkataan, kita mestilah dengan secepat mungkin membina rumah murah yang mematuhi syarat ekonomi. Tetapi malangnya disebabkan oleh sebab-sebab buatan manusia, dan juga setengah peraturan pembinaan rumah yang mundur, kita tidak boleh mencapai ketiga-tiga perkara yang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab masalah perumahan ini adanya yang di luar penguasaan kita, umpamanya masalah tanah dan bahan binaan rumah, tetapi juga ada yang dibuatkan manusia. Hari ini saya akan menekankan sebab-sebab buatan manusia ini. Saya cuba beri satu contoh, iaitu setengah peraturan-peraturan yang bertujuan mencegah densiti populasi dan alam sekitar tempat kediaman yang dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar kita. Peraturan-peraturan ini adalah dianggap mundur dan tidak sesuai lagi. Memandang kepada peruntukan tanah untuk membina rumah yang terlalu berhak di bandar besar, tanah rumah ini mestilah di-

usahakan dengan sepenuhnya, Disebabkan oleh peraturan-peraturan yang diwarisi dari masa penjajahan, jadi di atas sebidang tanah rumah, jumlah unit rumah yang terbina itu adalah terhad. Inilah sangat membazir, jika memandang kepada kekurangan tanah rumah dan masalah perumahan di bandar. Peraturan-peraturan ini juga memberatkan beban pembeli rumah. Saya merayu bahawa Jabatan Perancangan Bandar sudi mengubahsuaikan setengah daripada undang-undang yang mencegah densiti rumah dan membenarkan sebuah rumah pangsa lima tingkat yang mengandungi kira-kira lapan puluh unit rumah murah dua bilik didirikan di atas seekor tanah rumah. Jika mengikut peraturan sekarang, tanah rumah yang seluas semacam ini hanya boleh didirikan lapan unit rumah berderet sahaja. Pada pengetahuan saya, peraturan ini diwarisi daripada orang Putih. Kini, selepas kemerdekaan selama dua puluh tiga tahun, kita kurang faham mengapa Kerajaan kita masih mematuhi undang-undang yang tidak lagi sesuai dengan keadaan tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tidaklah bermakna bahawa Jabatan Perancangan Bandar mengabaikan undang-undang untuk mencegah densiti rumah dan alam sekitar tempat kediaman. Maksud saya adalah masa sudah sampai yang undang-undang semacam ini mestilah diubahsuaikan supaya mematuhi keperluan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan pemaju rumah swasta terutamanya permohonan untuk pertukaran tanah rumah biasanya memakan masa yang terlampau panjang. Inilah salah satu daripada sebab buatan manusia yang boleh dielakkan. Jentera pentadbiran Kerajaan kita yang bertingkat-tingkat ini menyebabkan surat permohonan pemaju rumah berpusing-pusing dari suatu tempat ke tempat lain. Inilah cukup buang masa dan membazir tenaga. Pada masa dahulu Jabatan yang menguruskan pemohon skim rumah hanya empat hingga lima sahaja, tetapi kini sudah bertambah lebih daripada sepuluh. Keadaan seperti ini memanjangkan lagi masa tunggu pemaju yang sudah cukup panjang, dan seterusnya usaha kita untuk mengatasi masalah perumahan pun ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkuasa sering menekankan usaha Kerajaan menggalakkan pergerakan syarikat koperatif di negara kita. Kita meyokong dasar bijak Kerajaan ini. Pergerakan syarikat koperatif

bukan sahaja merupakan suatu senjata yang berkesan untuk mencegah kesan inflasi, tetapi juga sumbangan besar dalam mencapai satu matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu merapatkan jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada. Dasar Kerajaan menggalakkan pergerakan koperatif ini bukan sahaja dimaklumkan kepada para rakyat jelata, tetapi Kerajaan mestilah memperuntukkan peluang untuk mereka menyaksikan dirinya usaha Kerajaan dalam hal ini. Dalam pada ini, saya harap dasar Jabatan Kemajuan Koperatif adalah "menolong" dan bukanlah "menghalang" perkembangan syarikat koperatif.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Tanah Kerajaan Pusat sudah menyatakan bahawa semua: permohonan individu untuk memajukan tanah pertanian akan ditolak kecuali permohonan dari pihak yang berkuasa. Selain daripada itu permohonan dari syarikat koperatif akan diberi prioriti. Sebagai seorang ahli pergerakan syarikat koperatif, pengumuman ini sangatlah saya alu-alukan. Saya harap dasar ini akan diterima dan dilaksanakan di semua Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita bernasib baik mengadakan seorang Menteri Pertanian yang menitikberatkan sumbangan syarikat koperatif. Di bawah pimpinan beliau, kita harap pergerakan syarikat koperatif di tanahair kita akan berkembang. Setakat ini, masalah yang dihadapi oleh semua syarikat koperasi adalah:

- (1) Undang-undang terlampau banyak yang sering menghalang perkembangan syarikat koperatif yang dibentangkan oleh Jabatan Kemajuan Koperatif.
- (2) Setengah Jabatan Kerajaan tidak sudi menolong menguruskan permohonan syarikat koperatif terutama permohonan skim rumah. Jika dibandingkan dengan kes pemaju rumah swasta, kelulusan permohonan syarikat koperatif adalah terlampau lambat.
- (3) Jika dibandingkan dengan wang reserve semasa di bank-bank atau syarikat kewangan, wang reserve semasa yang dikehendaki disisi undang-undang di bahagian kewangan syarikat koperatif, iaitu dua puluh peratus adalah dianggap terlampau tinggi.

Memandangkan ketidakadilan dalam hal-hal tersebut, bagaimanakah pihak Kerajaan boleh dikatakan menggalakkan pergerakan koperatif dan membantu dalam perkembangannya?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan demokratik kita seringkali memenuhi hasrat rakyat jelata. Kita harap pihak yang berkuasa akan menimbang dan seterusnya mengatasi masalah-masalah yang saya bantangkan tadi. Jika ada masalah tetapi tidak diselesaikan, dan ada penyelewengan tetapi tidak diperbaiki, kebolehan dan usaha Kerajaan kita untuk menghadapi cabaran hebat tahun lapan puluhan ini akan dilemahkan.

*4.50 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dikemukakan pada hari kelmarin.

Dalam membicarakan soal perpaduan saya menyeru supaya pihak Kerajaan mencontohi kepada rakyat menunjukkan tauladan kepada rakyat dalam tindak-tanduk dan perlaksanaan dasarnya sesuai dengan slogan keadilan dan sebagainya. Saya menyeru demikian oleh kerana terdapat gejala-gejala yang kurang sihat dan menyimpang dari dasar keadilan yang dislogankan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menarik perhatian rakyat ke arah perpaduan maka saya menekankan supaya perpaduan yang dikehendaki itu dimulai dari atas dan dicontohi oleh orang di bawahnya. Kalau pihak Kerajaan mengeneipikan tindakan keadilan seperti yang saya timbulkan itu akan meninggalkan kesan kepada perasaan rakyat dan dengan sebab itu harapan Kerajaan untuk mencapai perpaduan tidak akan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menegakkan keamanan dalam negara kita saya suka menarik perhatian pihak Kerajaan kepada apa yang telah berlaku dalam negara kita sekarang ini sebagai contoh, dengan izin, saya bacakan angka-angka kejadian yang

telah berlaku yang dikemukakan oleh Tuan Pengarah Cawangan Jenayah Malaysia, antara lain telah menyebut:

"Dalam tahun 1970 terdapat 1,152 kecurian kereta motor berbanding dengan 5,666 tahun 1975 iaitu pertambahan sebanyak 344.9%. Perompakan pula mengikut kenyataan itu meningkat dari 800 tahun 1970 kepada 3,111 dalam tahun 1975 iaitu bertambah 288.9%. Di antara 1974-1975 perompakan bertambah 902 iaitu bertambah 40.83%, kecurian dan sebagainya kian meningkat".

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes rogol mengikut Laporan Parlimen seperti yang disiarkan dalam akhbar Utusan Zaman 6hb November, 1977, angka rasmi bagi kes-kes rogol terus meningkat:

1969	1970	1971	1972
187 kes	190 kes	189 kes	231 kes

dan seterusnya sehingga tahun 1976 meningkat sampai 265 kes rogol. Angka-angka yang tersebut di atas ini adalah menggambarkan bahawa Undang-undang Jenayah yang sedang diamalkan dalam negara kita sekarang ini tidak berkemampuan untuk mengatasi atau mengurangkan kejadian-kejadian jenayah seperti yang tercatat dalam angka-angka yang tersebut itu. Dengan sebab itu, terkeluar daripada hendak memaksa supaya orang-orang bukan Islam menganut agama Islam, terkeluar daripada hendak memaksa orang-orang bukan Islam menukar akidahnya dan sesuai dengan Perlembagaan bahawa kepercayaan agama tidak boleh kita paksakan kepada orang lain. Tetapi demi untuk keselamatan dan mengurangkan jenayah yang ada berlaku di Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan tadi saya menyarankan supaya perubahan dilakukan daripada Undang-undang Jenayah yang dipusakai oleh penjajah British yang kita amalkan sekarang ini, kita cuba sesuaikan dan kita cuba berpandukan kepada Undang-undang Jenayah yang ada dalam Islam yang mana Undang-undang Jenayah ini mengikut jaminan dari apa yang telah kita pelajari, dari sumber hukum dalam Islam adalah membawa manusia, membawa masyarakat ke jalan yang selamat yang dapat mententeramkan masyarakat di setiap masa dan setiap tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan masalah ini oleh kerana saya rasa Undang-undang Jenayah yang berasaskan Islam boleh mereda, mengurang dan boleh menye-

lamatkan masyarakat kita di Malaysia ini dan saya percaya tidak ada rakyat Malaysia yang tidak mahu kepada keselamatan. Jadi dengan sebab itu saya rasa tidak timbul paksaan dan saya sukalah menyatakan bahawa pada pandangan saya kalau Kerajaan boleh menguatkuasakan sesuatu undang-undang yang dipusakai dan diubahsuaikan dari satu masa ke satu masa ada sebab mengapa perundangan yang berasaskan perundangan jenayah dalam Islam ini tidak boleh diserapkan ke dalam perundangan Malaysia kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal dakwah yang sedang rancak sekarang ini, saya berpendapat walaupun pihak Kerajaan telah memberhentikan gerakan Bulan Dakwah seperti yang pernah dibuat pada suatu masa dahulu, perkara ini bukan sahaja pihak Kerajaan memberhentikan tetapi tuduhan-tuduhan terhadap gerakan-gerakan dakwah yang dilakukan secara sukarela oleh badan-badan dakwah bersendirian diada-adakan halangan, sekatan dan tuduhan-tuduhan dengan kononnya dakwah menyeleweng, dakwah songsang, melampau dan extremist. Saya kira dakwah yang berdasarkan al-Quran dan hadis walaupun bertentangan dengan hasrat Kerajaan dari beberapa aspek yang tertentu tetapi dakwah itu tidak bolehlah dianggap menyeleweng dari segi prinsip Islam, bahkan dakwah seperti itu perlu dilakukan demi untuk menegur, menasihati dan sebagainya kepada Kerajaan supaya jangan tersasul atau sebagainya. Sebab kalau kita berpandukan kepada maksud sepotong hadis Nabi yang menyatakan: "Cakaplah apa yang benar walaupun pahit".

Tuan Yang di-Pertua, di zaman kebangkitan semula Islam sekarang ini banyak orang curiga terhadap kebangkitan dan gerakan Dakwah Islamiah. Mereka takut kalau kebangkitan Islam ini akan menjejaskan kedudukan mereka yang ada hari ini. Dengan sebab itu gerakan dakwah yang bebas itu dicurigai. Saya menyeru supaya Kerajaan tidak usahlah takut dengan kebangkitan ini sebab gerakan dakwah adalah menuju ke arah matlamat menyeru manusia ke arah pelaksanaan kesejahteraan dunia dan akhirat.

Saya juga berharap pihak Kerajaan dapat melipatgandakan lagi bantuan kepada gerakan dakwah yang sedang berjalan dengan lancar sekarang ini dan tidak perlu disekat-sekat.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian orang-orang Islam bimbang dengan kebangkitan Islam, mereka lupa kepada gerakan Kristian dan Yahudi yang sedang berada di negara ini yang bergerak secara diam-diam seperti yang dilakukan oleh pihak Freemason yang pada satu masa dahulu pernah heboh dipertakatakan di dalam Dewan ini dan pernah diseru supaya mereka yang telah tercebur dalam gerakan Freemason ini hendaklah bertaubat dan berhenti dari menyertainya. Adakah kerana pertubuhan Freemason ini dianggotai oleh orang-orang besar dan kenameaan dalam negara ini menyebabkan pertubuhan ini dibiarkan berjalan terus walaupun kegiatannya merosakkan akidah dan iman orang-orang Islam?

Sukacita saya mendapat penjelasan dari pihak Kerajaan apakah hasil Suruhanjaya dan Miajlis Hal Ehwat Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri yang telah ditugaskan untuk menyiasat dan melaporkan kepada pihak Kerajaan tentang kegiatan pertubuhan Freemason ini dan soal pengharamannya di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan bimbang dan curiga kepada masyarakat yang bersih dan fanatik kepada agama Islam kerana takut kepada pelaksanaan Islam sepenuhnya tetapi Kerajaan membiarkan gerakan Freemason berjalan terus tanpa gangguan. Adakah di sebalik membiarkan gerakan Freemason ini bererti menolong pihak musuh-musuh Islam yang hendak menyekat perkembangan Islam di tanahairnya sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan ajaran Islam bukan bererti menentang kemajuan. Selama kemajuan itu tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam adalah digalakkan, tetapi kalau kemajuan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam seperti kemajuan judi, loteri, arak, kasino, kelab-malam, pendedahan aurat perempuan, perempuan bagi menimbulkan perasaan berahi dan menjadi punca jenayah serta mengancam keselamatan masyarakat dan negara ini tentulah mesti ditentang. Penentangan ini diwajibkan oleh agama Islam kepada setiap orang Islam yang faham dan mengerti serta patuh kepada agamanya yang maha suci. Oleh itu saya tidak jemu-jemu, Tuan Yang di-Pertua, menyeru Kerajaan supaya mengamal dan menghayati prinsip dan perundangan Islam dalam Malaysia kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran, dalam usaha mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru melalui bidang pelajaran nampaknya masih jauh daripada matlamat yang dikehendaki. Sebagai contoh, dalam tahun 1978 kira-kira 76,000 penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di institusi pelajaran tinggi di luar negeri yang mana lebih daripada 60% daripada pelajar-pelajar itu adalah terdiri daripada pelajar-pelajar kaum Cina sahaja dan mengikut jawapan bertulis Kementerian Pelajaran kepada Dewan ini yang bersidang dari 9hb hingga 13hb April, 1979 baru-baru ini telah menyatakan daripada 17,513 pelajar-pelajar Ijazah di seberang laut hanya 3,973 orang sahaja yang terdiri daripada pelajar-pelajar bumiputra dan pelajar-pelajar Diploma pula daripada 5,955 orang yang bumiputrnnya hanya 1,787 orang sahaja. Ini setakat yang diketahui oleh Kementerian. Mungkin ada banyak lagi yang pergi melanjutkan pelajaran tanpa pengetahuan Kementerian Pelajaran. Keadaan ini tidak menghairankan kerana memang mereka mempunyai kemampuan ekonomi yang kukuh dan lain-lain kemudahan yang lebih untuk menghantar anak-anak mereka di luar negeri.

Sungguhpun demikian mereka belum puas hati; mereka menuntut lagi supaya Kerajaan membenarkan mereka menubuhkan universiti untuk anak-anak mereka. Walaupun dalam konteks ini mereka belum berjaya, tetapi buat sementara mereka telah mendapat layanan tambahan kuota untuk anak-anak mereka diterima lebih untuk masuk belajar di universiti-universiti tempatan oleh Kerajaan. Jadi bumiputra nampaknya ketinggalan di bidang pelajaran sedangkan pelajaran itulah punca memperbaiki ekonomi bumiputra yang telah begitu jauh ketinggalan dalam negara ini.

Mengenai matapelajaran agama Islam dan tulisan Jawi, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah mulai sedar setelah mengabaikannya selama 23 tahun semenjak merdeka dahulu. Saya berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala yang telah membuka hati menyedarkan Kementerian Pelajaran sekarang ini dan berharap supaya pelaksanaan mewajibkan matapelajaran agama Islam dan juga tulisan Jawi ini dilakukan dengan cara yang sungguh-sungguh supaya dapat ditebus ketinggalan dan kegagalan yang telah lepas itu.

dengan berita ini kalau tidak pembangunan dan kemajuan negara kita di masa hadapan tidak dapat diluluskan dengan sempurna,

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan sebenarnya belum lengkap dan sempurna dan masih ada lagi yang boleh diperbaiki dengan lebih baik.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Senator Dato' Haji Khalid Haji Abdullah.

5.24 ptg.

**Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta menyokong cadangan mempersembahkan ucapan menjunjung kasih, izinkan saya untuk menyampaikan sedikit pandangan dan diharap pandangan-pandangan ini akan mendapat perhatian sepenuhnya daripada pihak Kerajaan.

Di dalam Titah Ucapan Baginda itu, Baginda khususnya telah menyentuh tentang kesetabilan politik yang membolehkan Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan pembangunan sama ada pembangunan jasmani ataupun pembangunan rohani. Hingga ini kita berasa bersyukur bahawa Kerajaan telah bersungguh-sungguh menjalankan pembangunan di kedua-dua sudut yang saya sebutkan tadi.

Akan tetapi menilik kepada keadaan-keadaan yang telah berlaku di sekeliling tanahair kita iaitu di dalam rantau Asia Tenggara dan juga di sekeliling dunia pada masa ini khususnya perkara-perkara yang telah berlaku di negara kita sendiri sebagaimana timbulnya keadaan demonstrasi di Alor Star sedikit sebanyak kita telah merasa bahawa keadaan dan kesetabilan politik ini telahpun mulai tergugat dan memerlukan perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan.

Keadaan ini kita tidaklah harus memejamkan mata sama sekali bahawa unsur-unsur yang merbahaya sedang timbul dan pula sedang subur ataupun dibajai oleh satu-satu pihak, parti-parti politik yang tertentu yang pada hemat mereka bahawa ini adalah satu pembangunan Islam. Ini adalah satu kemajuan Islam tetapi pada hakikatnya inilah

mulanya satu anasir-anasir yang boleh memusnahkan Islam dan juga memusnahkan negara kita yang dicinta selama ini.

Pada masa-masa yang dulu kita telah ucapkali mengatakan bahawa ugama Islam adalah menjadi satu benting, fahaman Islam adalah menjadi satu benting untuk mempertahankan negara kita daripada pengaruh komunis. Tetapi manakala terjadinya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, kita harus memikir semula apakah sebab-musabab atau adakah fikiran kita yang terdahulu itu sudah menjadi usang dan perlu dikaji dan difikir semula mengenai dengan pembangunan Islam yang disebutkan itu.

Apa yang sangat mendukacitakan kita ialah seruan-seruan daripada orang-orang yang mendakwa mereka lebih cinta kepada tanah-air, mereka lebih kasih kepada Islam daripada saudara-saudaranya yang lain. Mereka mendakwa bahawa hanya kita akan membawa kepada satu kesempumaan kalau kita dapat mengadakan sebuah negara yang bercorak Islam secara total.

Pada hemat saya seruan ini adalah satu seruan kepada permulaannya kehancuran Islam. Satu seruan yang telah disaduri. Satu seruan yang pada lahirnya untuk membangunkan sebuah negara Islam tetapi pada hakikatnya adalah satu seruan untuk memusnahkan Islam daripada yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada setengah-setengah tempat keadaan perpecahan di antara umat-umat Islam tidak begitu dirasai sepertimana terjadi di negeri Kedah. Di negeri Kedah atas seruan membangunkan Islam beberapa orang suami telah meninggalkan isteri, beberapa orang bapa telah meninggalkan anak dan beberapa keluarga telah menjadi berpecah-belah dan boikot memboikot berlaku dengan begitu meluas disebabkan seruan untuk meninggikan Islam dan disebabkan seruan untuk menjadikan sebuah negara Islam. Keadaan ini tidaklah boleh diabaikan seruan ini pada anggapan saya adalah bertentangan sekali dengan kehendak-kehendak Islam. Islam menyuruh kita bersaudara dan bersatu-padu tetapi apa yang terjadi di dalam seruan ini telah menimbulkan perpecahan sehingga boleh membawa orang-orang yang terpengaruh dengan dakwah ini pada satu masa akan membunuh saudara yang seagama dan sebangsa. Inilah perkara yang amat penting

yang perlu diatasi oleh cerdik pandai kita, yang perlu diatasi dengan sepenuh tenaga oleh Kerajaan kita supaya tidak akan menjadi negara kita sebagai negara-negara Islam yang lain yang pernah disebut Yaman Utara dan Yaman Selatan. Pernah terjadi di negara Palestine yang sekarang dipanggil Israel dan yang terjadi kepada Afghanistan. Saya percaya sebab yang serupa inilah yang telah mempurak-purandakan negara-negara Islam yang tersebut. Oleh itu, teori kita Islam boleh mempertahankan kita daripada komunis perlu dikaji semula dan perlu difikirkan semula.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang BAHAGIAN I di dalam Perlembagaan kita yang menyebut bahawa ugama Islam adalah ugama resmi Persekutuan. Ini pada hemat saya bermaknalah ugama Islam mesti dikawal, dipelihara dan tidak boleh ada satu pertubuhan yang lain, tidak boleh ada satu institusi yang lain selain daripada Kerajaan mengeluarkan fatua-fatua yang menuduh ada orang-orang Islam yang syirik, ada orang-orang Islam lain yang munafik, ada orang-orang Islam yang murtad dan sebagainya. Kalau tidak ada kawalan ini bermaknalah satu pertubuhan lain yang telah mengatasi kuasa-kuasa Kerajaan, kuasa-kuasa Perlembagaan dan yang paling sedih sekali kuasa-kuasa ini membawa kesan kepada rakyat yang benar-benar cintakan Islam. Kerajaan biarlah apa sekali perlu mengatasi masalah ini dengan berani dan tegas. Saya faham bahawa kuasa mengenai agama Islam ini adalah terletak di tangan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, kecuali Pulau Pinang dan Melaka yang mana kuasa ini terletak di tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita masih berlengah-lengah kalau kita masih tunggu untuk mempergunakan kuasa di dalam Perlembagaan ini saya khawatir keadaan akan menjadi lebih mendalam, keadaan akan menjadi lebih susah kerana boleh dikatakan setiap pensyarah menggunakan nama Islam, menggunakan ugama Islam untuk kepentingan musuh-musuh Islam bukan kepentingan Islam yang sebenarnya. Mungkin mereka ini mempunyai cita-cita yang lain, mempunyai hasrat yang tain, mempunyai niat yang lain mungkin Tuhan sahajalah yang mengetahui. Apa yang saya tahu Islam tidak pernah mengajar

umatnya berpecah-belah. Islam tidak pernah mengajar orang-orang menuduh orang-orang lain murtad. Islam tidak pernah mengajar seorang Islam bangun di khalayak orang ramai menuduh orang lain fasik, syirik dan sebagainya.

Ingin saya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menyebut sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh orang yang bernama Aunekma Basir radiallahuanhu yang berkata:

"Menghamun dan memaki seorang Islam yang lain adalah fasik dan membunuhnya adalah kufur."

Saya bimbang gejala-gejala ini telah bertapak dengan kukuh yang boleh dikatakan adalah satu musibat kepada kaum Islam atau kepada orang-orang Islam.

Saya tidak hendak bercakap panjang pada hari ini kerana saya rasa kalau ini sahaja dapat ditunaikan oleh Kerajaan, maka kita akan menghadapi satu zaman yang gilang-gemilang, bukan sahaja kepada orang lain, bukan sahaja kepada orang Islam, tetapi juga kepada seluruh rakyat negara kita.

Kerajaan kita telah membuktikan bahawa Kerajaan kita telah diiktiraf oleh semua negara Islam sebagai sebuah negara yang mengamalkan hukum-hukum Islam dan mengamalkan dasar-dasar Islam lebih daripada negara-negara Arab sendiri, lebih daripada negara-negara Islam yang lain. Oleh sebab itulah satu persidangan Islam yang besar telah diadakan di negeri ini, dua kali telah diadakan satu Persidangan Islam Antarabangsa. Ini menunjukkan satu iktiraf dunia Islam yang lain kepada kedudukan ugama Islam di negara kita. Akan tetapi sepertimana saya sebutkan tadi masih ada golongan-golongan yang mementingkan politik, mementingkan siasah, meletakkan siasah di atas daripada Quran dan Hadis, meletakkan siasah di atas daripada ugama. Inilah yang paling mendukacitakan saya dan diharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh. Sambil itu saya berdoa kepada saudara-saudara saya seugama dan sebangsa memikir kembali adakah tindakan-tindakan mereka itu sebenarnya menguntungkan umat Islam atau pada hakikatnya meruntuhkan ugama Islam yang maha suci. Inilah harapan saya dan harapan bangsa Melayu dan harapan pemeluk-pemeluk Islam agar mereka memikirkan

semula di atas dapatkah kita membangunkan Islam di atas perpecahan orang-orang Islam sendiri.

Dengan itu saya menyokong usul ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid.

5.42 ptg.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Ada beberapa perkara yang patut saya sentuh di sini.

Pertama berkenaan dengan tanah. Saya nampak perkara tanah ini adalah satu perkara yang mustahak yang melibatkan rakyat, iaitu warganegara Malaysia, sebab itulah saya bawa semalam satu soalan yang saya bertanya dalam soalan itu, iaitu:

"8. *Datuk Syed Hassan Aidid* minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peratus jumlah tanah yang dimiliki di seluruh Semenanjung Malaysia oleh:

- (a) orang-orang bukan warganegara Malaysia;
- (b) warganegara Malaysia bukan bumiputra; dan
- (c) Bumiputra;

dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang menyekat orang-orang bukan warganegara Malaysia memiliki tanah di negara ini".

Saya dapat jawapan begini:

"Disebabkan rekod-rekod pendaftaran tanah tersimpan di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara, maka amatlah sukar untuk mendapatkan butir-butir seperti yang diminta oleh Yang Berhormat itu di dalam masa yang sebegitu singkat, lebih-lebih lagi mengenai pemilikan tanah oleh bukan rakyat Malaysia kerana sistem pendaftaran hakmilik yang ada tidakpun menunjukkan taraf kelayakan seseorang pemilik itu". Pada akhirnya pula maka Menteri menjawab—

"Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang menghadkan tanah-tanah dimiliki kepada warganegara asing."

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada jawapan ini tanah kita di Malaysia ini bebas (liberal), boleh dijual kepada sesiapa juga, kepada bumiputra, kepada warganegara Malaysia—yang itu memanglah dalam undang-undang kita, tetapi yang pelik boleh dijual berapa banyakkpun kepada orang bukan warganegara (foreigners). Saya nampak perkara ini kalau dilanjutkan satu masa nanti anak-cucu kita berbangga yang ianya rakyat Malaysia tetapi tanah dipunyai oleh orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka petikkan satu potongan akhbar *Utusan Melayu*—Johor Bahru, 23hb Mac, iaitu:

"Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdullah Ayob mencadangkan supaya satu dasar yang tegas dapat digubal untuk menghadkan kepunyaan tanah kepada rakyat negara ini sahaja."

Perkara ini pada pendapat Ketua Setiausaha negara, iaitu seorang yang boleh dikatakan mengerti hal-hal tanah, kalau beliau tidak nampak perkara ini perkara besar tentu beliau tidak akan bawa perkara ini.

Yang mendukacitakan saya, kita sudah merdeka 24 tahun, nampaknya belum ada lagi rekod-rekod yang menunjukkan berapa banyakkah tanah yang dimiliki oleh warganegara asing. Tetapi di dalam taklimat yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebelum hari budget, saya telah bertanya dalam taklimat itu berapa banyakkah harta-harta yang dimiliki oleh bukan warganegara, warganegara yang bukan bumiputra dan juga bumiputra. Saya masih ingat angka-angka itu lebih kurang begini:

Harta yang dimiliki oleh foreigners 60% lebih; Warganegara yang bukan bumiputra 20% lebih, dan Bumiputra antara 5 hingga 10%.

Ini menunjukkan sangat bahaya. Kalau perkara ini didiamkan, saya fikir satu hari kita akan sesal. Memang Kerajaan kita selalu mengecil-kecilkan perkara yang besar tetapi satu masa kita akan sesal nanti. Jadi sebelum

lambat saya minta Kerajaan biarlah berfikir baik-baik supaya menggubalkan satu undang-undang dihadkan tanah-tanah supaya tidak dijual kepada warganegara asing kerana di negeri lain yang berjiran dengan kita sudahpun ada undang-undang yang semacam ini, jadi sebab apa kita melambat-lambatkan. Saya tidak dapat jawapan daripada Menteri sebab yang tidak boleh diadakan satu undang-undang semacam ini.

Kita tidak usah pergi jauh, selain daripada potongan *Utusan Melayu* ini, ini ada lagi satu potongan daripada *New Straits Times*:

(Dengan izin) "*Foreigners buying up Penang Property* Foreigners are now investing in real properties market here. According to a Sales Executive of the State's first Luxury Apartment Block-Northam Court, a number of the 60 units were bought by investors from Hong Kong, Singapore, Italy, Thailand and Germany".

Inilah kedudukan yang berjalan hari ini.

Jadi saya mencadangkan lagi sekali supaya Kerajaan memikir dan menghalusi supaya perkara ini tidak dilambatkan, kalau tidak anak-cucu kita akan menghadapi dan keciwa pada masa akan datang.

Soal tanah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah di Pulau Pinang. Saya telah bertanya dalam soalan hari ini tetapi dukacita soalan saya tidak dapat dijawab oleh kerana masa tidak mengizinkan. Soalan berbunyi begini:

"15. *Datuk Syed Hassan Aidid* minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan langkah-langkah positif yang sedang diambil untuk mencegah penukaran hakmilik tanah daripada Bumiputra kepada bukan Bumiputra di Pulau Pinang."

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab begini:

"Disebabkan Enakmen Simpanan Melayu (Malay Reservation Enactment) tidak berkuatkuasa di Pulau Pinang maka segala tanah yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra tidaklah tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain. Segala tanah milik Bumiputra di Pulau Pinang adalah bebas untuk dijual atau dicagar kepada orang

lain kerana itu adalah hak mutlak tuan-tuan tanah tersebut dari segi undang-undang.

Kerajaan adalah sedar akan berlakunya penukaran hakmilik ini tetapi tidak mempunyai kuasa untuk menghalangnya selain daripada, dengan kerjasama Kerajaan Negeri, memberi nasihat agar pemilik-pemilik tanah tersebut sedar yang perbuatan mereka itu adalah merugikan mereka dan kaumnya sendiri dengan harapan kesedaran tersebut dapat menukar sikap mereka itu.

Sebagai satu jalan untuk mengatasi perkara ini ada kemungkinan badan-badan berkanun seperti MARA, UDA, LUTH, Unit Penyertaan Bumiputra dan lain-lain badan tertentu boleh digalakan membeli tanah-tanah ini yang pada akhirnya nanti boleh dijual kembali kepada Bumiputra."

Tuan Yang di-Pertua, maksud pertanyaan saya bukanlah supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang di Pulau Pinang dan menyekat tanah-tanah dijual kepada orang yang bukan bumiputra. Maksud saya adakah satu cara supaya memelihara dengan apa cara juga, memelihara tanah-tanah ini tidak dijual kepada orang yang bukan bumiputra. Tetapi jawapan di sini nampaknya MARA, UDA, LUTH dan Yunit Penyertaan Bumiputra dan lain-lain mungkin akan menolong.

Saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan Yunit Penyertaan Bumiputra. Yunit ini telah ditubuhkan tidak kurang daripada tiga empat tahun untuk menolong kaum bumiputra di Pulau Pinang dan beberapa kali saya telah bertanya kepada Kementerian yang berkenaan diberi jawab, nampaknya yunit ini gagal buat apa-apa pun boleh jadi lebih kurang broker untuk mengenalkan orang Melayu kepada bank dan sebagainya, bagi recommendation, saya ingat saya pun boleh kalau macam ini, dan perbelanjaannya pun dalam setahun lebih kurang antara \$3,000 hingga \$4,000. Pendek kata, Yunit ini belum lagi menolong sesuatu apa pun kepada kaum bumiputra dan yang lebih anih lagi Jawatankuasa yang terdiri daripada Yunit ini adalah 99% orang luar daripada Pulau Pinang yang tidak tahu sebenar-benarnya kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar banyak kali, banyak pemimpin-pemimpin yang berkata, yang bercakap hendak menolong kaum bumiputra dengan cara memberi wang, memberi pinjaman dan sebagainya tetapi hari ini saya belumlah nampak ada satu hasil apa-apa.

Saya tahu iaitu Kerajaan Persekutuan bimbang kepada siapakah hendak diberi wang ini. Saya masih ingat pada satu ketika Kerajaan berjanji hendak memberi \$100 juta untuk menolong kaum bumiputra khususnya berkenaan dengan tanah. Saya nampak satu jalan yang tidak akan menimbangkan Kerajaan kalau hendak disalurkan wang ini iaitu di Pulau Pinang banyak koperasi-koperasi yang kewangannya cukup kuat. Saya beri satu contoh koperasi yang dinamakan Tunas Muda yang mana saya sendiri menjadi pengerusinya. Tunas Muda ini pada 15 tahun dahulu belum ada lagi tetapi oleh kerana pada ketika itu seorang hartawan telah membeli tanah seluas-luasnya iaitu dari Glugor sampai ke Bayan Lepas masuk ke Sungai Ara dengan harga yang cukup murah. Saya fikir entah 10 sen atau 15 sen satu kaki. Jadi dengan sepakat UMNO kita telah bekerja kuat untuk merayu kepada Allahyarham Tun Abdul Razak supaya dapat kita membeli tanah ini tetapi pada masa itu kami tidak ada wang sama sekali, maka dengan usaha Kerajaan Pusat telah merayu kepada Kerajaan Ptilau Pinang meminjamkan \$2 juta. Cerita ini lebih kurang 15 tahun dahulu. Apabila kami telah membeli tanah itu lama kelamaan harga tanahpun naik maka kita telah jual sedikit dan pulangkan kepada Kerajaan Pulau Pinang sehinggalah hari ini \$2 juta itu telah kita selesaikan, tidak hutang satu sen dan asset yang ada sekarang ini tidak kurang daripada \$60 juta.

Maksud saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada koperasi seperti ini saya fikir Kerajaan tidak patut bimbang lagi, salurkan wang ini pada permulaan tidak usah banyak katalah satu atau dua juta ringgit untuk koperasi ini pula beli tanah-tanah orang Melayu yang berkehendakan jualan dan apabila koperasi ini beli, kalau ada projek maka koperasi ini akan membinakan rumah-rumah. Misalnya hari ini Tunas Muda sedang membina beratus-ratus yunit rumah di Sungai Ara. Kita menaruh kepercayaan penuh kepada setengah-setengah koperasi di Ptilau Pinang.

Jadi kalau apa cara yang dinasihatkan oleh Menteri tadi supaya kita nasihatkan kepada orang Melayu janganlah jual tanah kepada bangsa asing, begitu begini, saya ingat ini satu perkara yang tidak logik. Fasal apa? Saya tahu ada seorang orang Melayu di Pulau Pinang yang gerainya pada sebelum perang \$500 hari ini tidak kurang \$200,000 harganya. Ini soal wang tidak timbul semangat. Masing-masing berkehendakan wang, hendak menghantar anaknya melanjutkan pelajaran dan berbagai-bagai lagi, soal nasihat tidak timbul, soal tolong yang kita mahu. Inilah saya mint a Kerajaan supaya memerhati perkara ini janganlah dilambat-lambatkan oleh kerana makin sehari makin banyak tanah-tanah orang Melayu telah dijual kepada kaum lain, saya bimbang makin sehari makin pergi daripada town kepada kampung, daripada kampung kepada bukit dan kalau laut terima pun mereka akan pergi ke laut. Ini satu perkara yang cukup besar saya nampak.

Satu masalah di Pulau Pinang juga iaitu bekekaan hospital. Hospital Besar ini memang saya telah bercakap beberapa kali mengalami berbagai-bagai kesulitan. Dalam beberapa hari sudah saya sebagai ahli Lembaga Pelawat telah melawat ke sana dan saya diberi tahu iaitu sepatutnya doktor-doktor yang ada di hospital itu ialah 94 orang tetapi yang ada cuma 55 orang sahaja boleh dikatakan hampir setengah dan yang lebih anih iaitu di dalam Wad Kelas Tiga ini lebih kurang ada 1,000 katil di situ, daripada 1,091, 1,000 yang telah diletakkan di Wad Kelas Tiga ini kerana terlampau banyak sangat pesakit-pesakit yang hendak dirawat tidak kena wang sama sekali. Pendek kata boleh dikatakan empat line untuk pesakit-pesakit ini tidur sehingga yang mana di sebelah tingkap itu mereka kena hujan dan sebagainya. Pada sebelah malam pula cuma ada seorang doktor sahaja yang melayani pesakit-pesakit yang lebih kurang 100 hingga 200 orang, pada siangnyanya out-patients ada lima orang doktor yang menerima tidak kurang dari 1,000 sampai 2,000 pesakit-pesakit. Jadi kita boleh tahu bagaimana angka itu, berapa minitkah seseorang itu yang hendak berubat daripada doktor yang berkenaan.

Maksud saya di sini, perkara-perkara seperti ini tidak boleh kita biarkan lama, kita tidak boleh tax kepada doktor-doktor ini, mereka sabar, gentlemen dan nurse semuanya bekerja dengan secukupnya. Tetapi

kalau kita biarkan begini kita tax doktor-doktor ini saya bimbang mereka akan berhenti. Umpamanya, specialists di Pulau Pinang sangat kekurangan. Banyak specialist Units sudahpun ditutup. Soal yang pokok berkenaan dengan extension, saya minta supaya Menteri yang berkenaan memberi satu jawapan saya harap seberapa segera extension ini akan dimulakan dan saya sungguh besar hati pada satu mesyuarat yang sudah Timbalan Menteri Kesihatan Dr Sulaiman Daud telah berjanji iaitu beliau akan melawat semua negeri-negeri dan perkara ini telahpun saya bawa di dalam mesyuarat Lembaga Pelawat baru-baru ini dan saya telah memberi tahu iaitu Dr Sulaiman akan melawat ke Hospital Besar Pulau Pinang. Saya harap beliau akan melawat seberapa segera supaya melihat dengan mata kepala keadaan-keadaan yang berlaku di hospital khususnya berkenaan dengan extension.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan, Datuk.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dengar dalam Radio dan TV iaitu Timbalan Menteri Kesihatan bercakap tentang kempen jangan merokok. Soal kempen ini saya ingait sudah jemu kita dengar, kempen fasal litter, kempen fasal lalulintas dan sebagainya. Semakin banyak kempen lalulintas semakin banyak kemalangan berlaku setiap hari sehingga membawa maut. Tetapi walau bagaimanapun, saya menyokong kalau hendak kempen berkenaan dengan rokok, tetapi kita patut mulakan di hospital.

Pada hari saya melawat hospital baru-baru ini saya perhatikan dan nampak orang ramai bebas, dia masuk di hospital dia hisap rokok, dia naik lift dia hisap rokok. Jadi kalau kita tak mulakan daripada hospital dan yang bawa kempen itu doktor sendiri, saya fikir kurang eloklah. Jadi patut kita mulakan di seluruh hospital, tiap-tiap hospital apabila kita masuk sahaja, pintu hospital hendaklah ada satu notis: Tak Dibenarkan Merokok (No Smoking). Saya bimbang kalau perkara ini kita biarkan mungkin dalam wad nanti pesakit-pesakit pun menghisap rokok. Dan lagi satu perkara iaitu kalau kempen sahaja tak boleh jadi. Saya harap mesti ada satu legislation misalnya di hospital, di dalam lift dan sebagainya tak patut merokok, tetapi satu perkara lagi kalau ada legislation sahaja, enforcement tak ada pun tak berguna juga.

Sekarang ini kita sudah banyak buat undang-undang, kita sudah pinda undang-undang tetapi dengan kerana tak ada enforcement, maka segala yang kita bawa dalam Parlimen ini tak berkesan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan MAS. Pendek sahaja, bukan panjang. Saya sendiri telah naik kapalterbang daripada Lapanganterbang Pulau Pinang, bila saya ambil Boarding Pass, saya tak tahu di mana hendak pergi sama ada gate sana atau gate sini. Orang ramaipun begitu juga. Mengapa announcer itu tidak sebutkan kapalterbang MAS sekian nombor bolehlah tuan-tuan dan puan-puan ke gate sekian nombor? Jadi kita tahulah. Memang betul saya dengar ada tayangan TV tetapi saya tak tahu di mana ada TV yang menunjukkan arah itu. Ini patutlah diberitahu melalui pembesar suara. Tetapi kalau pembesar suara yang ada sekarang ini, saya ingat tak guna. Saya sudah bawa perkara ini dalam persidangan yang terdahulu sebelum ini berkenaan dengan pembesar suara yang mana menambahkan kelam-kabut. Kita tak dengar apa yang dicakapkan. Jadi dimintalah supaya diperbaiki atau ditukar pembesar suara itu.

Berkenaan dengan saya ingat sepanjang saya naik kapalterbang MAS, dia cuma sandwich yang di dalamnya dibubuh keju dengan ayam dan roti itupun kering. Jadi nampaknya orang ramaipun bersungut. Perkara ini sungguhpun kecil, tetapi untuk menjaga nama baik MAS apa salahnya sekali-sekali atau dua tiga bulan sekali ditukar dengan kuih-kuih orang Melayu; dan sebagainya. Saya fikir itu akan membawa satu kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak bercakap perumahan, tetapi masa tak ada, saya minta maaf. Lagi sekali saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Senator Rahmah Othman.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator K. Kumaran.

6.03 ptg.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini adalah untuk turut menyokong penuh di atas usul bagi merakamkan penghargaan dan ucapan menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong banyak perkara yang dibangkitkan sebagai panduan dan landasan kepada dasar Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa selama 23 tahun semenjak negara mencapai kemerdekaan, rakyat telah dapat menikmati dan memahami erti kemerdekaan dengan kemajuan yang pesat di bidang sosio-ekonomi keselamatan sosial yang lebih terjamin serta suasana kehidupan masyarakat yang lebih berbahagia dan sempurna. Tetapi nasib segolongan rakyat yang telah menceburi diri dalam pembangunan ekonomi negara, lebih dari suatu abad, masih hidup tanpa perubahan-perubahan yang nyata dan konkrit di ladang-ladang getah dan kelapa sawit sejak sebelum merdeka dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat golongan ini tinggal di ladang-ladang yang dimiliki oleh pihak-pihak swasta yang tertentu atau perseorangan dari dalam dan luar negara. Oleh kerana pekerja-pekerja ini tinggal di ladang-ladang dipunyai oleh orang perseorangan, mereka mengalami kehidupan tanpa kemudahan fizikal yang asas. Kemudahan-kemudahan ini sudahpun dapat peringkat diperluaskan ke kampung-kampung baru dan juga pekan-pekan kecil oleh Kerajaan. Apa yang sangat mendukacitakan adalah mereka ini telah mempunyai kuasa untuk memilih wakil-wakil dan pemimpin-pemimpin untuk mentadbirkan negara, tapi malangnya tidak dapat menikmati hasil dan hasrat yang diusahakan oleh pemimpin-pemimpin ini dan Parlimen Malaysia. Perkara ini amatlah mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan ladang-ladang di seluruh negara ini tidak langsung mempunyai kemudahan-kemudahan perhubungan dan kemudahan-kemudahan fizikal yang basic seperti perkhidmatan pos, telekom, kesihatan, bekalan air, jalan raya dan pengangkutan. Jika terdapatpun sekadar alang-alang sahaja, tanpa memberi kesan yang berfaedah dan memuaskan.

Surat-surat yang dikirimkan ke alamat ladang-ladang ini dengan membuat bayaran pos, tidak disampaikan kepada orang yang ditujukan. Semua surat-surat ini selalunya disampaikan kepada Pengurus Ladang dan akan diserahkan kepada pekerja atas belas kasihan dan simpati Pengurus Ladang tersebut. Jika hubungan pekerja majikan tidak baik, tidak payahlah saya sebutkan akibatnya. Pekerja-pekerja ini terpaksa sentiasa menjaga perhubungan baik dengan majikan tidak terjejas untuk menerima surat-surat yang mereka berhak terima. Ada kalanya surat-surat tersebut terdapat pada orang-orang yang tidak diingini dan bertanggungjawab, yang mengakibatkan gejala-gejala yang tidak disenangi.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah mengambil langkah yang positif untuk memastikan kekurangan-kekurangan seperti ini tidak akan berlaku lagi. Perkhidmatan pos bergerak yang kini memberi kesan yang baik di kampung dan kampung-kampung baru, hendaklah diperluaskan untuk disampaikan ke ladang-ladang supaya rakyat yang tinggal di ladang-ladang juga menikmati faedahnya. Kementerian hendaklah memastikan surat-surat yang dialamatkan kepada orang perseorangan di ladang-ladang hendaklah diserahkan terus kepada orang-orang berkenaan itu. Saya yakin dan percaya Kementerian berkenaan akan mencari jalan mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kemudahan-kemudahan komunikasi yang terdapat di ladang-ladang seluruh Malaysia. Dukacita dimaklumkan bahawa kebanyakan ladang tidak langsung mempunyai telefon awam. Sudah pasti suliran komunikasi dengan bebas keluar akan terputus jika keadaan ini berlarutan. Rakyat yang tinggal di ladang terpaksa bergantung kepada telefon yang dipunyai oleh Pengurus Ladang atas emosi dan simpatinya. Mereka akan dianggap bemasib baik jika sebarang berita, kecemasan atau sebaliknya disampaikan sewaktu pejabat ladang, apatah lagi jika selepas waktu pejabat. Keutamaan hendaklah diberi kepada pembinaan pondok-pondok telefon di tiap-tiap ladang supaya channel komunikasi dapat diperdekatkan bagi faedah rakyat golongan ini.

Jika apa-apa criteria digunakan untuk membekalkan kemudahan telefon am ini, saya tidak syak bahawa segala itu dapat dipenuhi juga oleh penduduk-penduduk di ladang-ladang seperti kemudahannya terpencil atau ramai penduduknya dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat golongan ini adalah kemudahan-kemudahan kesihatan yang diperolehi di ladang-ladang. Rasa kuatir terhadap kedaulatan dan kebebasan akan diwujudkan apabila melihat rawatan yang diberikan oleh pihak ladang melalui klinik dan hospital kumpulan mereka—sungguh tidak hygienic dan outdated. Pihak Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang positif untuk memastikan kemudahan-kemudahan kesihatan di ladang-ladang setaraf dan sejajar dengan zaman sekarang dan keadaan kesihatan, dan kakitangan-kakitangan yang berkelayakan dan berkalibar seperti yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan juga. Pekerja-pekerja ladang ini adalah menjadi tulang belakang ekonomi negara dan Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada kesihatan rakyat golongan ini.

Kementerian Kesihatan hendaklah mengkaji kemungkinan meluaskan perkhidmatan klinik-klinik bergerak bukan sahaja kepada kampung dan kampung-kampung baru seperti sekarang, tetapi juga kepada setiap ladang seluruh negara ini. Tindakan jangka panjang hendaklah diambil tentang kebersihan alam sekitar pelajaran, kesihatan, amalan-amalan makanan dan pemakanan dan aktiviti-aktiviti kesihatan yang boleh mengurangkan penyakit di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, golongan *rakyat* ini bukan sahaja mengalami kekurangan dalam kemudahan fizikal dan komunikasi seperti pos, telekom dan kesihatan yang dikatakan selama ini, tetapi juga mengalami kesulitan tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air dan pengangkutan yang memuaskan. Kerajaan hendaklah memberi perhatian yang lebih mendalam dan serius kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang yang telah menjadi suatu golongan rakyat Malaysia, dengan tujuan mencapai kemajuan yang mengubah taraf hidup rakyatnya kepada suatu mutu kehidupan yang lebih sempurna dan bermakna. Tepatlah pada masanya, jika saya mengingat

semula, di Dewan yang mulia ini, perjuangan rakyat golongan ini semasa pemerintahan penjajah dan juga semasa Malaya Merdeka dari ancaman komunis di mana mereka kehilangan anak saudara kesayangan mereka demi mempertahankan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kini, kami adalah dalam peringkat terakhir dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam proses mengubal Rancangan Malaysia Keempat sejajar dengan tujuan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah jangka panjang dan positif, merancangkan kegiatan-kegiatan yang mempunyai kesan yang luas dan kekal dengan tujuan meninggikan lagi taraf kehidupan socio-ekonomi penduduk-penduduk ladang sama ada ladang tersebut menjadi ahli majikan (MAPA) atau tidak. Saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri yang menyediakan Rancangan Malaysia Keempat akan memberi perhatian yang sedalam-dalamnya terhadap masalah-masalah ini, kerana pekerja-pekerja ladang telah disifatkan sebagai satu golongan rakyat yang miskin yang menjadi sasaran Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Buruh yang mengawal perumahan dan kemudahan kehidupan pekerja-pekerja ladang di bawah labour code dan Akta Perumahan Pekerja, 1966 tidaklah begitu sesuai dengan kehendak dekad lapan puluhan ini. Undang-undang tersebut . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh bercakap pada hari ini tetapi pendekkan sedikit.

**Tuan K. Kumaran:** Saya akan selesaikan, terima kasih. Terdapat banyak kelemahan seperti itu yang hendak dibaiki secepat mungkin dalam usaha mengubahsuaikan.

Ini sahaja satu rayuan yang perlu diberi pertimbangan untuk perseimbangan kedudukan dalam usaha untuk memberikan peluang yang baik kepada golongan rakyat ini khususnya di bawah peluang Dasar Ekonomi Baru.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan menyokong penuh di atas cadangan memberikan penghargaannya dan menyampaikan ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ketika merasniikan Dewan ini tempoh hari.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dato Sulaiman Ninam Shah.

6.16 *pag.*

**Dato Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana saya dapat bersama-sama dalam membahaskan dan mengucapkan menjunjung kasih kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Dewan yang mulia baru lepas,

Saya suka mengambil beberapa perkara yang difikirkan mustahak dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perkara yang pertama dalam Dasar Ekonomi Baru. Ini sangat-sangat baik disebabkan ia telah disiapkan oleh pihak Kerajaan, jika sekiranya kita teliti betul-betul atas ucapan kebawah Duli daripada awal sehingga akhir yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan kalau dapat diikuti dengan sepenuhnya atas ucapan-ucapan itu maka saya cukup percaya dalam masa yang tidak berapa lama kehadiran rakyat negeri ini akan dapat nikmat yang lebih lagi dari apa yang didapati sekarang ini. Dalam pada itu, saya suka juga menegur dan bercakap dalam beberapa perkara yang difikirkan baik untuk membina atas perjalanan Kerajaan kita yang ada pada hari ini. Satu daripada perkaranya ialah kita telah dapat mencapai kejayaan boleh dikatakan memuaskan, sungguhpun begitu ada juga pihak-pihak dalam negeri ini yang belum dapat apa-apa nikmat lagi. Umpamanya saya contohkan dalam perkara perumahan.

Dalam perkara perumahan ini kita dapati bandaraya ini sangat-sangat agung dan mashur di seluruh dunia tetapi rumah-rumah setingan masih banyak lagi terutama sekali di bandar-bandar besar. Walaupun Kerajaan mengadakan dasar yang sangat baik, pihak swasta membuat rumah yang banyak untuk dijual dan diuntukkan kepada bumiputra, tetapi saya fikir apa yang dibuat oleh pihak swasta ini tidak banyak sangat dapat munafaatnya kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Dari itu saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil inisiatif yang lebih lagi supaya sekurang-kurangnya rumah-rumah setingan (rumah haram) yang ada

dalam bandar ini dapat dihapuskan dan orang-orang ini dapat membeli rumah yang difikirkan tidak berapa mahal dan boleh membayar secara beransur di antara setahun sehingga 25 tahun.

Saya tidak menghalang pihak Kerajaan mengadakan dasar penjualan rumah ini diuntukkan kepada beberapa kaum menurut kepada kumpulan rumah yang ditentukan, saya ingat tidak berapa sesuai kepada orang-orang Melayu (bumiputra), kerana adat istiadatnya ada berlainan sedikit. Saya cukup bersetuju supaya Kerajaan dapat menimbang-nang dan membuat perumahan ini sebagaimana yang dibuat di Larkin, Johor Bahru, Batu Pahat, Muar peruntukan bumiputra dikhaskan kepada bumiputra, kalau bangsa lain daripada bumiputrapun dibuatkan khas untuk bukan bumiputra. Saya ingat ini dapat menyesuaikan keadaan, mati, hidup, kahwin dan sebagainya. Ini lebih sesuai daripada apa berjalan pada hari ini.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak bercakap di sini iaitu berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang menggalakkan bumiputra mengambil bahagian yang cergas dalam perniagaan. Galakan Kerajaan ini sangat baik dan bagus tetapi ada dua perkara yang besar. Yang pertama, pelaksanaan dasar yang ada pada pihak Kerajaan, pada setengah-setengah kakitangan Kerajaan ini patutlah pihak Kerajaan memberi kursus yang sempurna kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang ada terlibat dengan Dasar Ekonomi Baru kerana setengah-setengah pegawai ini tidak dapat hendak mengikut bagaimana kehendak perjalanan yang; ditetapkan oleh Kerajaan.

Dengan sebab itu bumiputra tidak dapat hendak mencapai tujuan yang digalakkan oleh pihak Kerajaan itu. Jadi ini satu galangan yang besar saya nampak. Walaupun Menteri-menteri yang berkenaan bercakap-cukup bagus—begini hendak dibuat: begitu hendak dibuat; ini sudah dibuat, dan berbagai-bagai lagi. Umpamanya saya beri satu contoh yang terang, Menteri Kewangan kita berucap sangat baik, beri peruntukan kepada bumiputra boleh meminjam wang daripada bank, dapat pendahuluan wang 15% daripada bank dan sebagainya, Dasar yang diucapkan oleh Menteri Kewangan ini cukup bagus tetapi apabila pihak bumiputra yang berkenaan pergi ke bank, bank langsung tidak tahu apa yang dicakapkan oleh Menteri itu, tidak ada perintah dan sebagainya sampai

kepada bank. Jadi bagaimana penyampaian dasar ini boleh sampai kepada rakyat jelata. Ini saya boleh buktikan dan saya boleh contohkan.

Lagi satu perkara berkenaan dengan bank ini juga. Saya telah bercakap dalam Dewan ini pada sidang yang lepas, sekarang ini kita sangat berterima kasih kepada Bank Bumiputra yang menanggung sebahagian besar permohonan dan kehendak-kehendak bumiputra dalam negeri ini tetapi saya ingat ini tidak memadai. Kalau bank-bank yang lain walaupun Kerajaan cakap mereka tidak peduli apa Kerajaan boleh buat kepada mereka; Kerajaan boleh cakap dan perintah sahaja tetapi mereka tidak mahu ikut. Dengan itu saya ingat tidak payah kita hendak menggalakkan bank lain daripada Bank Bumiputra, pihak Kerajaan membenarkan beberapa bank lagi supaya bumiputra boleh mendirikan beberapa bank, ada kemampuan sekarang, bumiputra boleh mendirikan bank dan boleh membantu perniagaan orang-orang bumiputra.

Lagi satu perkara saya hendak bercakap di sini iaitu berkenaan dengan tanah. Ini saya tengok selalu dikatakan dalam Dewan ini tanah adalah kuasa Kerajaan Negeri. Saya takut mengikut dasar Kanun Tanah Negara sekarang ini siapapun boleh mempunyai tanah alam tanahair kita. Orang daripada negeri China pun boleh, orang daripada Russia, Amerika pun boleh membeli tanah. Ini patut Kerajaan timbangkan, dan disekat dengan diadakan undang-undang yang baru. Tanah tidak boleh dimiliki melainkan warga-negara negeri ini sahaja. Ini patut Kerajaan buat sekarang, jikalau tidak dibuat saya takut; minta dijauhkan Allah, barangkali negeri Johor itu nanti nama sahaja negeri Johor tetapi tanahnya semua sekali dipunyai oleh orang Singapura. Mereka mempunyai duit yang mencurah-curah dan dapat membeli tanah dengan harga yang mahal dalam negeri ini sekarang. Ini contohnya negeri Johor, boleh jadi negeri lainpun jadi begitu. Jadi dengan seberapa segera Kerajaan mengambil tindakan ini supaya dapat diadakan undang-undang yang baru iaitu tanah boleh miliki oleh warganegara sahaja.

Lagi satu perkara yang saya hendak bercakap ialah berkenaan dengan buruh Kerajaan. Sekarang ini banyak kilang-kilang dibuat. Dasar Kerajaan ini memang sangat baik tetapi kebanyakan kilang-kilang ini

mengambil wanita-wanita bekerja di kilang-kilang mereka, yang lelakinya tidak sampai 10%. Kalau ini tidak diawasi betul-betul pada masa akan datang orang lelaki ini yang menjaga anak di rumah dan yang wanitanya bekerja. Ini satu perkara yang paling merbahaya. Kalau wanita tidak bekerja—tidak apa; dia boleh duduk di rumah lebih baik tetapi kalau lelaki tidak bekerja, ini buruk padanya. Ini baik Kerajaan timbang semula. Factory yang ada sekarang ini lebih suka mengambil pekerja-pekerja wanita daripada lelaki, maklumlah lelaki ini ada yang berjanggut, bermisai—wanita ini licin (*Ketawa*).

Lagi satu perkara ialah pelaburan modal. Saya bercakap dengan ringkas sahaja oleh sebab masapun tidak ada. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukup aktif, pergi ke luar negeri, di mana juga dalam dunia ini dia pergi mencari modal luar negeri ini supaya membuat factory di sini. Ini bagus, orang kita boleh bekerja, kita boleh buat joint-venture dan sebagainya. Dasar itu sangat baik tetapi yang malahnya bila orang-orang yang berkenaan datang ke tanahair kita ini hendak membuat factory, joint-venture dan sebagainya, ini memakan masa antara 1-5 tahun. Siapa orang yang hendak datang berniaga, mereka datang daripada luar negeri hendak tunggu keputusan daripada Kerajaan kita ini sampai 3 atau 4 tahun. Mereka boleh tunggu selebih-lebihnya 4-5 bulan ataupun 1 tahun. Tuan Yang di-Pertua, perjalanan yang macam ini kalau tidak diubah, tidak dikaji, tidak disemak semula, saya ingat tidak ada menarik, barangkali mereka akan pergi ke negeri lain. Di mana silapnya? Kepada Timbalan Perdana Menteri tidak silap, ini kepada yang menjalankan dasar, kepada pegawai-pegawai. Adakah kita hendak buat satu factory, orang daripada luar negeri datang ke Pejabat Air, JKR, LLN, Kastam, MIDF untuk mendapat kelulusan—dari satu tempat ke satu tempat. Patut dibuat macam ini, kalau kita sebut negeri lain nanti orang marah, adakan satu komiti yang khas. Apa juga permohonan tuju ke sana, kalau dapat diluluskan, kalau tidak dapat ditolak. Saya ingat ini yang paling senang. Menarik modal luar datang ke negeri ini adalah satu hal tetapi yang di dalam negeri inipun hendaklah diperbetulkan. Ini pada pendapat saya, dengan itu saya fikir dan saya cukup percaya yang keadaan kita ini akan bertambah baik lagi.

Adakah masa sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya sambung besok?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Besok ada banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Habiskan sahaja.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Boleh saya habiskan sedikit?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Lagi satu perkara yang mana saya telah bercakap dalam Dewan ini juga patut Kerajaan menimbangankan berkenaan penanam padi. Sudah sampailah masanya Kerajaan menukar corak daripada cara yang ada sekarang berjalan dengan cara estet. Saya ingat ini yang paling baik dan yang paling menarik. Kalau mengikut cara yang ada sekarang sebagaimana yang dikatakan oleh saudara kita juga,

penanam padi ini dengan dikontrol harga sebagaimana yang ada pada hari ini, memang tidak ada yang orang hendak menanam padi. Bukan sahaja orang yang menanam padi ini boleh dapat tahu, bahkan penanam padi hendak mencari makan untuk satu tahunpun tidak mencukupi. Dari itu saya berharap benar kepada pihak Kerajaan supaya dapat menimbangankan perkara ini.

Oleh sebab masa telah habis, saya sekali lagi menyokong atas titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia dan saya mengucapkan ber-banyak terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari esok, 10hb April, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang*